



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN  
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI

**NEGERI SEMBILAN**

**TAHUN 2014**

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA





---

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

---

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN  
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI  
NEGERI SEMBILAN**

**Jabatan Audit Negara  
Malaysia**





---

# KANDUNGAN

---



---

# KANDUNGAN

---

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014</b>	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014	4
<b>BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Latar Belakang	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Kumpulan Wang Disatukan	7
Wang Awam	9
Akaun Hasil Disatukan	10
Akaun Pinjaman Disatukan	17
Akaun Amanah Disatukan	17
Penyata Prestasi Kewangan	22
Penyata Akaun Memorandum	23
Nota Kepada Penyata Kewangan	28
Rumusan Dan Syor Audit	30
<b>BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10	33
Rumusan	35
<b>BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI</b>	
Pendahuluan	39
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Negeri	39
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	42
Objektif Pengauditan	43
Skop Dan Metodologi Pengauditan	43
Kawalan Utama	44
Penemuan Audit	55

**PERKARA****MUKA SURAT**

Pemeriksaan Audit Mengejut	59
Penemuan Audit	60
Syor Audit	62

**BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

Pendahuluan	65
Pengauditan Penyata Kewangan	65
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	65
Pengesahan Penyata Kewangan	66
Pembentangan Penyata Kewangan	66
Prestasi Kewangan Agensi Negeri	66
Rumusan Dan Syor Audit	80

**BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai	83
Penyata Kewangan Kerajaan Negeri; Dan Aktiviti Jabatan/Agenzi	
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan	
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	83

<b>PENUTUP</b>	87
----------------	----

**LAMPIRAN**

I	Sijil Ketua Audit Negara	91
II	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri	92
III	Penyata Kedudukan Kewangan	93
IV	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	94
V	Penyata Prestasi Kewangan	95
VI	Penyata Akaun Memorandum	96
VII	Nota Kepada Penyata Kewangan	97



---

# KATA PENDAHULUAN

---



---

# KATA PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 dan 107 Perlumbagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sembilan.
2. Laporan saya ini adalah mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan Tahun 2014 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2014. Semasa pengauditan dijalankan, pemeriksaan telah dibuat secara teliti lagi telus terhadap segala langkah yang diambil oleh Jabatan/Agensi bagi melindungi semua pemungutan, penjagaan serta pembayaran wang awam daripada berlakunya ketidakakururan yang serius.
3. Pengauditan terhadap penyata kewangan adalah dibuat dengan berpandukan kepada Piawaian Dasar Perakaunan Kerajaan dan bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Manakala pengauditan terhadap pengurusan kewangan adalah bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan khususnya berhubung dengan kawalan pengurusan, bajet, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyediaan penyata kewangan.
4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Sembilan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI HJ. AMBRIN BIN BUANG)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
2 Julai 2015



---

# INTISARI LAPORAN

---



---

# INTISARI LAPORAN

---

## **BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

1. Pada keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2014. Semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.

## **BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

2. Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2014 adalah baik. Baki Kumpulan Wang Disatukan mencatatkan peningkatan yang agak ketara sejumlah RM47.47 juta atau 10.3% kepada RM506.36 juta pada tahun 2014 berbanding RM458.89 juta pada tahun 2013. Akaun Hasil Disatukan juga mencatatkan peningkatan daripada RM249.59 juta pada tahun 2013 kepada RM271.17 juta pada tahun 2014 disebabkan surplus yang direkodkan pada tahun 2014 sejumlah RM21.58 juta. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pula meningkat sejumlah RM4.01 juta atau 7.1% kepada RM60.37 juta pada tahun 2014 berbanding RM56.36 juta pada tahun 2013. Manakala baki Hutang Awam turut meningkat sejumlah RM29.40 juta atau 3.3% menjadi RM912.69 juta pada akhir tahun 2014 berbanding RM883.29 juta pada tahun 2013. Begitu juga jumlah tunggakan bayaran balik Hutang Awam telah meningkat pada tahun 2014 sejumlah RM34.86 juta atau 31.3% menjadi RM146.24 juta berbanding RM111.38 juta pada tahun 2013. Akaun Belum Terima bagi tahun 2014 pula berkurangan yang ketara sejumlah RM58.52 juta atau 39.7% menjadi RM88.91 juta berbanding RM147.43 juta pada tahun 2013.

## **BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

3. Secara keseluruhannya pelaksanaan projek pembangunan oleh Kerajaan Negeri Sembilan di bawah RMKe-10 bagi tahun 2014 adalah sangat baik di mana sebanyak kesemua 151 projek telah dapat disiapkan. Prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan juga adalah sangat baik kerana sejumlah RM101.19 juta atau 95.3% telah dibelanjakan berbanding peruntukan berjumlah RM106.20 juta.

#### **BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

4. Pada tahun 2014, pengurusan kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti telah dijalankan di 10 Jabatan/Agensi Negeri yang terdiri daripada 8 Jabatan Negeri dan 2 Agensi Negeri. Daripada 10 Jabatan/Agensi Negeri diaudit, 5 mencatat tahap sangat baik. Manakala 5 Jabatan/Agensi lagi mencatat tahap baik. 5 Jabatan/Agensi yang mencapai tahap sangat baik dalam pengurusan kewangan ialah Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol.

#### **BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

5. Prestasi penyerahan penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri adalah baik di mana kesemua 14 Agensi telah menyerahkan penyata kewangan tahun 2014 untuk diaudit. Manakala kesemua 14 penyata kewangan bagi tahun 2013 telah memperoleh Sijil Audit Tanpa Teguran. Semua 13 penyata kewangan tahun 2013 berserta Sijil Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kecuali bagi Majlis Sukan Negeri yang tidak perlu dibentangkan. Prestasi kewangan bagi 2 BBN dan MAI adalah baik kerana berkedudukan surplus pendapatan berbanding perbelanjaan manakala 3 BBN mengalami defisit. Manakala prestasi kewangan PBT menunjukkan penurunan di mana jumlah keseluruhan pendapatan melebihi perbelanjaan sejumlah RM4.28 juta berbanding RM11.26 juta pada tahun 2013. Bagaimanapun, 4 daripada 8 PBT merekodkan defisit sama seperti 4 PBT pada tahun 2013. Prestasi kutipan cukai taksiran terus menunjukkan peningkatan kepada RM138.54 juta pada tahun 2014 berbanding RM130.7 juta pada tahun 2013. Bagaimanapun, tunggakan cukai taksiran juga menunjukkan penurunan sebanyak RM14.67 juta dan peratus tunggakan cukai taksiran berbanding jumlah pendapatan keseluruhan PBT adalah sebanyak 25.7%.

#### **BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

6. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2013 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 18 Ogos 2014. Manakala Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan Tahun 2013 serta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2013 Siri 3 telah dibentangkan pada 5 Disember 2014. Pada tahun 2014 sehingga 30 April 2015, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat sebanyak 5 kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan Tahun 2012 dan 2013 serta laporan mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2012 dan 2013 bagi Siri 1, 2 dan 3.



---

# BAHAGIAN I

## PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

---



---

# BAHAGIAN I

## PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

### BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

---

#### 1. PENDAHULUAN

**1.1.** Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

**1.2.** Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 kepada Ketua Audit Negara pada **2 Februari 2015**. Penyata Kewangan yang disediakan melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2014 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Laporan Bendahari Negeri, Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

**1.3.** Laporan Bendahari menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri serta memberi ringkasan urus niaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

**1.4.** Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan am dan pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

**1.5.** Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2014. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

**1.6.** Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

**1.7.** Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan,

manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula adalah Hutang Awam iaitu hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

**1.8.** Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan dasar perakaunan, nota penjelasan serta maklumat lain yang perlu didedahkan.

## **2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

**2.1.** Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

**2.2.** Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen telah dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2014. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Pejabat Kewangan Negeri Sembilan dan Jabatan-jabatan Negeri melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan. *Exit Conference* bersama YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan telah diadakan pada 21 Mei 2015.

## **3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**3.1.** Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* 1000. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persempahan penyata kewangan.

**3.2.** Persempahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2014 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I hingga Lampiran VII**.



---

## BAHAGIAN II

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

---



---

## BAHAGIAN II

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

---

#### 4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2014, juga membuat analisis terhadap maklumat kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan Negeri. Analisis yang dibuat adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan, Penyata Akaun Memorandum Aset, Penyata Akaun Memorandum Liabiliti dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

#### 4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

#### 4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

**4.2.1.** Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2014 adalah berjumlah RM506.36 juta. Jumlah ini merupakan baki terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM475.79 juta dan pelaburan sejumlah RM30.57 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Tahun 2014 Berbanding 2013**

Bil.	Butiran	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Akaun Hasil Disatukan	249.59	271.17	21.58	8.6
2	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	0
3	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	209.30	235.19	25.89	12.4
	i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	25.25	38.25	13.00	51.5
	- Kumpulan Wang Pembangunan	-304.97	-315.78	-10.81	-3.5
	- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	377.35	391.16	13.81	3.7
	- Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	-47.13	-37.13	10.00	21.2
	ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	131.22	143.66	12.44	9.5
	iii. Akaun Wang Deposit	52.83	53.28	0.45	0.8
	<b>Jumlah</b>	<b>458.89</b>	<b>506.36</b>	<b>47.47</b>	<b>10.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.2.2.** Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mengalami peningkatan yang agak ketara sejumlah RM47.47 juta atau 10.3% iaitu daripada RM458.89 juta pada tahun 2013 kepada RM506.36 juta pada tahun 2014. Peningkatan ini antara lain disebabkan oleh peningkatan Akaun Amanah Disatukan kepada RM235.19 juta atau 12.4% pada tahun 2014 berbanding RM209.30 juta pada tahun 2013.


**4.2.3.** Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh yang sama menunjukkan trend meningkat daripada RM319.98 juta pada tahun 2010 kepada RM350.77 juta pada tahun 2011. Walaupun trend ini menurun pada tahun 2012, namun ia meningkat semula pada tahun 2013 dan 2014. Trend ini adalah selari dengan trend peningkatan dalam Akaun Hasil Disatukan yang meningkat daripada RM137.32 juta pada tahun 2010 kepada RM271.17 juta pada tahun 2014. Baki pada tahun 2014 adalah kedudukan yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

**Jadual 4.2**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Tahun 2010 Hingga 2014**

Bil.	Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Akaun Hasil Disatukan	137.32	206.49	228.45	249.59	271.17
2	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	0	0
3	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	182.66	144.28	119.02	209.30	235.19
	i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-275.59	-308.94	-101.75	25.25	38.25
	- Kumpulan Wang Pembangunan	-230.05	-255.27	-290.72	-304.97	-315.78
	- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	113.64	105.51	348.15	377.35	391.16
	- Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air	-159.18	-159.18	-159.18	-47.13	-37.13
	ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	428.79	421.35	172.54	131.22	143.66
	iii. Akaun Wang Deposit	29.46	31.87	48.23	52.83	53.28
	<b>Jumlah</b>	<b>319.98</b>	<b>350.77</b>	<b>347.47</b>	<b>458.89</b>	<b>506.36</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Tahun 2010 Hingga 2014**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

### 4.3. WANG AWAM

#### 4.3.1. Pelaburan

**4.3.1.1.** Seksyen 8, Akta Tatacara Kewangan 1957, menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan dana. Pelaburan yang dibuat melalui wang lebihan Akaun Kumpulan Wang Hasil Disatukan ditunjuk di Penyata Kedudukan Kewangan, manakala pelaburan melalui peruntukan belanja mengurus ditunjuk di Penyata Akaun Memorandum.

**4.3.1.2.** Pada akhir tahun 2014, pelaburan Kerajaan Negeri yang dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan berjumlah RM30.57 juta. Jumlah pelaburan ini meningkat sejumrah RM30.00 juta yang terdiri daripada pelaburan Akaun Amanah Institusi (ITA) Amanah Raya Berhad berjumlah RM10.00 juta dan simpanan tetap jangka panjang dalam Malaysian Building Society Berhad (MBSB) berjumlah RM20.00 juta. Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.3**. Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.4**.

**Jadual 4.3**  
**Kedudukan Pelaburan Tahun 2014 Berbanding 2013**

Bil.	Pelaburan	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Amanah Saham Bank Islam	0.49	0.49	0	0
2	Amconstant Multi Maturity 2	0.08	0.08	0	0
3	Akaun Amanah Institusi (ITA) Amanah Raya Berhad	0	10.00	10.00	100.0
4	Malaysian Building Society Berhad (MBSB)	0	20.00	20.00	100.0
<b>Jumlah</b>		<b>0.57</b>	<b>30.57</b>	<b>30.00</b>	<b>5,623.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Jadual 4.4**  
**Kedudukan Pelaburan Tahun 2010 Hingga 2014**

Bil.	Pelaburan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Telekom Malaysia Berhad	3.85	0	0	0	0
2	Tenaga Nasional Berhad	8.06	0	0	0	0
3	Malaysia Airport Holding Berhad	11.00	0	0	0	0
4	Amanah Saham Bank Islam	0.49	0.49	0.49	0.49	0.49
5	Amconstant Multi Maturity 2	-	0.10	0.10	0.08	0.08
6	Amanah Institusi Amanah Raya Berhad	0	0	0	0	10.00
7	Malaysian Building Society Berhad (MBSB)	0	0	0	0	20.00
<b>Jumlah</b>		<b>23.40</b>	<b>0.59</b>	<b>0.59</b>	<b>0.57</b>	<b>30.57</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.3.1.3.** Pada akhir tahun 2014, hasil daripada pelaburan iaitu simpanan tetap jangka panjang MBSB dan bon Amconstant Multi Maturity 2, Kerajaan Negeri telah menerima pulangan berjumlah RM0.18 juta. Manakala dua pelaburan lain yang dibuat masih belum mendapat pulangan kerana pelaburan belum mencapai tempoh matang.

#### **4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN**

**4.4.1.** Akaun Hasil Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini menunjukkan jumlah hasil yang diterima dan jumlah perbelanjaan mengurus bagi sesuatu tahun kewangan. Akaun Hasil Disatukan pada tahun semasa mencatat peningkatan sejumrah RM21.58 juta atau 8.6% daripada RM249.59 juta pada tahun 2013 kepada RM271.17 juta pada tahun 2014 kerana Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2014 dengan surplus sejumrah RM21.58 juta berbanding RM21.14 juta pada tahun 2013. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.5**. Kedudukan baki Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.6**. Kedudukan baki pada tahun 2014 adalah yang tertinggi bagi tempoh 5 tahun tersebut.

**Jadual 4.5**  
**Akaun Hasil Disatukan Tahun 2014 Berbanding 2013**

Butiran	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	228.45	249.59	21.14	9.3
Hasil	354.78	373.09	18.31	5.2
Perbelanjaan	333.64	351.51	17.88	5.4
<b>Surplus/Defisit</b>	<b>21.14</b>	<b>21.58</b>	<b>0.43</b>	<b>2.0</b>
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>249.59</b>	<b>271.17</b>	<b>21.58</b>	<b>8.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Jadual 4.6**  
**Akaun Hasil Disatukan Tahun 2010 Hingga 2014**

Butiran	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	74.96	137.32	206.49	228.45	249.59
Hasil	353.09	377.61	341.27	354.78	373.09
Perbelanjaan	290.73	308.44	319.31	333.64	351.51
<b>Surplus/Defisit</b>	<b>62.36</b>	<b>69.17</b>	<b>21.96</b>	<b>21.14</b>	<b>21.58</b>
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>137.32</b>	<b>206.49</b>	<b>228.45</b>	<b>249.59</b>	<b>271.17</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.4.2. Hasil

##### 4.4.2.1. Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Yang Diluluskan

Kerajaan Negeri memungut 3 kategori hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2014, keseluruhan kutipan hasil sebenar adalah berjumlah RM373.09 juta. Kutipan ini telah melebihi anggaran diluluskan sebanyak RM20.46 juta atau 5.8% berbanding dengan anggaran yang diluluskan berjumlah RM352.63 juta seperti di **Jadual 4.7**.

**Jadual 4.7**  
**Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Tahun 2014**

Bil.	Kategori Hasil	Anggaran Diluluskan (RM Juta)	Hasil Sebenar (RM Juta)	Varian	
				(RM Juta)	(%)
1	Hasil Cukai	152.52	127.35	-25.17	-16.5
2	Hasil Bukan Cukai	126.51	173.78	47.27	37.4
3	Terimaan Bukan Hasil	73.60	71.96	-1.64	-2.2
<b>Jumlah</b>		<b>352.63</b>	<b>373.09</b>	<b>20.46</b>	<b>5.8</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

##### 4.4.2.2. Kutipan Hasil Sebenar Tahun 2014 Berbanding 2013

Hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2014 meningkat sejumlah RM18.31 juta daripada RM354.78 juta pada tahun 2013 kepada RM373.09 juta pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 5.2%. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan Hasil Cukai sejumlah RM1.17 juta atau 0.9% kepada 127.35 juta pada tahun 2014 berbanding RM126.18 juta pada tahun 2013. Hasil Bukan Cukai juga meningkat sejumlah RM10.24 juta atau 6.3% kepada RM173.78 juta pada tahun 2014 berbanding RM163.54 juta pada tahun 2013. Terimaan Bukan Hasil pula meningkat sejumlah RM6.90 juta atau 10.6% menjadi RM71.96 juta pada tahun 2014 berbanding RM65.06 juta pada tahun 2013. Jumlah hasil pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.8**  
**Kutipan Hasil Tahun 2014 Berbanding 2013**

Bil.	Kategori Hasil	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Hasil Cukai	126.18	127.35	1.17	0.9
2	Hasil Bukan Cukai	163.54	173.78	10.24	6.3
3	Terimaan Bukan Hasil	65.06	71.96	6.90	10.6
<b>Jumlah</b>		<b>354.78</b>	<b>373.09</b>	<b>18.31</b>	<b>5.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.4.2.3. Prestasi Kutipan Hasil Sebenar Bagi Tempoh 5 Tahun


Kutipan hasil Kerajaan Negeri menunjukkan peningkatan pada tahun 2011 berbanding 2010. Bagaimanapun kutipan hasil menurun sedikit pada tahun 2012 dan meningkat semula sehingga tahun 2014. Hasil Cukai menunjukkan peningkatan setiap tahun bagi tempoh 2010 hingga 2012 kecuali pada tahun 2013. Hasil tahun 2011 adalah yang tertinggi bagi tempoh 5 tahun tersebut. Prestasi kutipan hasil bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.9** dan **Carta 4.2**.

**Jadual 4.9**  
**Kutipan Hasil Sebenar Tahun 2010 Hingga 2014**

Bil.	Kategori Hasil	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Hasil Cukai	119.65	120.44	126.51	126.18	127.35
2	Hasil Bukan Cukai	153.55	176.28	152.56	163.54	173.78
3	Terimaan Bukan Hasil	79.89	80.89	62.20	65.06	71.96
<b>Jumlah</b>		<b>353.09</b>	<b>377.61</b>	<b>341.27</b>	<b>354.78</b>	<b>373.09</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.2**  
**Kutipan Hasil Sebenar Tahun 2010 Hingga 2014**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


#### 4.4.2.4. Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 5 Tahun

Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014, penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah daripada kutipan Cukai Tanah, Perolehan Dari Jualan Barang-barang, Terimaan Dari Agensi Kerajaan, Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit dan Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM329.84 juta atau 88.4% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2014 yang berjumlah RM373.09 juta berbanding kutipan berjumlah RM321.49 juta atau 90.6% pada tahun 2013 seperti di **Jadual 4.10**. Trend kutipan penyumbang hasil utama Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Carta 4.3**.

**Jadual 4.10**  
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2014 Berbanding 2013

Bil.	Butiran Hasil	2013 (RM Juta)	(%)	2014 (RM Juta)	(%)
1	Cukai Tanah	118.17	33.3	119.61	32.1
2	Perolehan Daripada Jualan Barang-barang	96.39	27.2	101.98	27.3
3	Terimaan Dari Agensi Kerajaan	59.58	16.8	59.03	15.8
4	Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit	26.20	7.4	29.54	7.9
5	Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan	21.15	6.0	19.68	5.3
<b>Jumlah</b>		<b>321.49</b>	<b>90.6</b>	<b>329.84</b>	<b>88.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.4.2.5.** Berdasarkan **Carta 4.4**, hasil Cukai Tanah adalah merupakan penyumbang hasil utama Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014. Pada tahun 2014,

hasil Cukai Tanah menyumbang sebanyak 32.1% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Negeri. Manakala penyumbang kedua dan ketiga terbesar adalah Perolehan Daripada Jualan Barang-barang dan Terimaan Dari Agensi Kerajaan dengan masing-masing berjumlah RM101.98 juta dan RM59.03 juta. Antara butiran hasil utama yang menyumbang peningkatan ketara pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.11**. Manakala **Jadual 4.12** pula menunjukkan hasil Kerajaan Negeri yang mengalami penurunan ketara pada tahun 2014 berbanding 2013.

**Jadual 4.11**  
**Peningkatan Hasil Ketara Tahun 2014 Berbanding 2013**

<b>Bil.</b>	<b>Butiran Hasil</b>	<b>2013 (RM Juta)</b>	<b>2014 (RM Juta)</b>	<b>Perubahan</b>		<b>Punca Peningkatan</b>
				<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>	
1	Caj Air Mentah-Komersial	0.69	3.18	2.49	360.9	Peningkatan kawasan industri dan penempatan industri.
2	Premium Tukar Syarat	11.81	23.64	11.83	100.2	Peningkatan permohonan dan pembangunan tanah seperti tukar syarat dan pecah sempadan tanah pertanian kepada kediaman perniagaan dan industri.
3	Faedah Dan Hasil Dari Simpanan Tetap Bank	15.19	18.04	2.85	18.8	Peningkatan pulangan daripada simpanan tetap Kerajaan Negeri.
4	Permit Tanah Dan Galian	22.96	26.76	3.80	16.6	Peningkatan pengeluaran permit bahan batuan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Jadual 4.12**  
**Penurunan Hasil Ketara Tahun 2014 Berbanding 2013**

<b>Bil.</b>	<b>Butiran Hasil</b>	<b>2013 (RM Juta)</b>	<b>2014 (RM Juta)</b>	<b>Perubahan</b>		<b>Punca Penurunan</b>
				<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>	
1	Premium Tanah Yang Lain (Premium Pokok Balak)	6.83	1.35	-5.48	-80.2	Pengurangan kawasan tebangan pokok balak pada tahun 2014.
2	Caj Air Mentah Domestik	4.00	2.00	-2.00	-50.0	Caj air mentah belum diterima daripada Syarikat Air Negeri Sembilan.
3	Cukai Eksport Hasil Hutan	3.82	2.46	-1.36	-35.6	Pengurangan kawasan tebangan hutan pada tahun 2014 berbanding 2013.
4.	Bayaran Ikhtisas	20.93	19.48	-1.45	-6.9	Penurunan permohonan dan pendaftaran berkaitan urusan tanah seperti permohonan pindah milik, gadaian, carian rasmi dan lain-lain urusan tanah.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.4.3. Perbelanjaan Mengurus

**4.4.3.1.** Perbelanjaan Mengurus adalah terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2014 berjumlah RM360.92 juta. Peruntukan perbelanjaan mengurus meningkat sejumrah RM20.93 juta atau 6.2% pada tahun 2014 berbanding RM339.99 juta pada tahun 2013. Sejumrah RM351.51 juta telah dibelanjakan pada tahun 2014 iaitu 97.4% daripada peruntukan yang diluluskan. Perbelanjaan sebenar berbanding peruntukan yang diluluskan adalah seperti di **Jadual 4.13**.

**Jadual 4.13**  
**Perbelanjaan Mengurus Sebenar Berbanding Peruntukan Diluluskan Tahun 2014**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Pencapaian (%)
1	Emolumen	137.98	135.23	98.0
2	Perkhidmatan Dan Bekalan	79.76	76.69	96.2
3	Aset	2.19	1.07	48.9
4	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	129.46	127.03	98.1
5	Perbelanjaan Lain	11.53	11.49	99.7
<b>Jumlah</b>		<b>360.92</b>	<b>351.51</b>	<b>97.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.4.3.2.** Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri telah meningkat sejumrah RM17.87 juta atau 5.4% kepada RM351.51 juta pada tahun 2014 berbanding RM333.64 juta pada tahun 2013. Peningkatan perbelanjaan ini adalah disebabkan peningkatan bayaran Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan serta Perbelanjaan Lain. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada tahun 2014 berbanding 2013 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4.14**.

**Jadual 4.14**  
**Perbelanjaan Mengurus Tahun 2014 Berbanding 2013**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Emolumen	127.36	135.23	7.87	6.2
2	Perkhidmatan Dan Bekalan	72.29	76.69	4.40	6.1
3	Aset	3.19	1.07	-2.12	-66.5
4	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	129.86	127.03	-2.83	-2.2
5	Perbelanjaan Lain	0.94	11.49	10.55	1,123.3
<b>Jumlah</b>		<b>333.64</b>	<b>351.51</b>	<b>17.87</b>	<b>5.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


**4.4.3.3.** Perbelanjaan bagi Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan dan Perbelanjaan Lain menunjukkan peningkatan masing-masing sejumrah RM7.87 juta, RM4.40 juta dan RM10.56 juta. Antara punca peningkatan perbelanjaan mengurus pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah peningkatan Perbelanjaan Lain seperti bayaran balik deposit yang telah dikreditkan ke hasil serta pembayaran yang dibuat atas perintah mahkamah. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.15** dan **Carta 4.4**.

**Jadual 4.15**  
**Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2010 Hingga 2014**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Emolumen	103.25	107.54	124.50	127.36	135.23
2	Perkhidmatan Dan Bekalan	60.35	68.93	69.47	72.29	76.69
3	Aset	1.03	1.41	3.26	3.19	1.07
4	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	124.98	128.54	121.57	129.86	127.03
5	Perbelanjaan Lain	1.12	2.02	0.51	0.94	11.49
<b>Jumlah</b>		<b>290.73</b>	<b>308.44</b>	<b>319.31</b>	<b>333.64</b>	<b>351.51</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.4**  
**Kedudukan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2010 Hingga 2014**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.4.3.4. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlakunya kelewatan pembayaran tersebut. Bagi tahun 2014, jumlah pembayaran di bawah AP 58(a) yang telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri berjumlah RM1.07 juta. Secara keseluruhannya, pembayaran di bawah AP 58(a) meningkat sejumrah RM0.11 juta atau 11.8% menjadi RM1.07 juta berbanding RM0.96 juta pada tahun 2013. Maklumat pembayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4.16**. Pembayaran tersebut melibatkan bayaran bil-bil yang lewat diterima antaranya adalah bil perubatan penjawat awam, pesara dan Ahli Dewan Undangan Negeri berjumlah RM343,022, bil utiliti berjumlah RM32,000, bil utiliti (program pencahayaan bandar) yang lewat dituntut oleh Jabatan berjumlah RM56,338 dan bayaran kontrak Projek 1NS\*NET berjumlah RM595,660.

**Jadual 4.16**  
**Pembayaran Di Bawah AP 58(a) Tahun 2014 Berbanding 2013**

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>Perubahan</b>	
		<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>	<b>(%)</b>
1	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	475,056	1,062,533	587,477	123.7
2	Pejabat Menteri Besar	34,998	8,628	-26,370	-75.3
3	Pelbagai Jabatan	243,300	0	-243,300	-100.0
4	Jabatan Kerja Raya	205,089	0	-205,089	-100.0
<b>Jumlah</b>		<b>958,443</b>	<b>1,071,161</b>	<b>112,718</b>	<b>11.8</b>

Sumber: Pejabat Kewangan Negeri

#### **4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran balik pinjaman diakaunkan. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Tatacara Kewangan, 1957. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi satu projek bekalan air dan satu projek pelbagai berjumlah RM36.66 juta. Akaun Pinjaman Disatukan telah berbaki sifar pada akhir tahun 2014 kerana pinjaman yang diterima telah dipindahkan ke Akaun Amanah Pembangunan Bekalan Air dan Kumpulan Wang Pembangunan. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.17**.

**Jadual 4.17**  
**Akaun Pinjaman Disatukan Tahun 2014 Berbanding 2013**

<b>Perkara</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>Perubahan</b>	
	<b>(RM Juta)</b>	<b>(RM Juta)</b>	<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan	6.95	36.66	29.71	427.5
Bayaran	6.95	36.66	29.71	427.5
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### **4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN**

Akaun Amanah Disatukan adalah satu daripada Akaun Kumpulan Wang Disatukan di mana semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Cara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan, 1957. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan, 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Wang Deposit. Pada akhir tahun 2014, baki Kumpulan Wang Amanah Disatukan meningkat sejumlah RM25.89 juta atau 12.4% kepada RM235.19 juta berbanding RM209.30 juta pada tahun 2013 seperti di **Jadual 4.18**. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM13.81 juta atau 3.7% menjadi RM391.16 juta pada tahun 2014 berbanding RM377.35 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini juga disebabkan peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Awam berjumlah RM12.44 juta atau 9.5% kepada RM143.66 juta pada tahun 2014 berbanding RM131.22 juta

pada tahun 2013. Manakala Akaun Wang Deposit pula meningkat sejumlah RM0.45 juta atau 0.9% menjadi RM53.28 juta pada tahun 2014 berbanding RM52.83 juta pada tahun 2013. Di samping itu, pengurangan baki defisit akaun Kumpulan Wang Bekalan Air sejumlah RM10.00 juta atau 21.2% menjadi RM37.13 juta pada tahun 2014 berbanding RM47.13 juta pada tahun 2013 juga memberi impak kepada peningkatan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2014.

**Jadual 4.18**  
**Akaun Amanah Disatukan Tahun 2014 Berbanding 2013**

Butiran	2013	2014	Perubahan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:	25.25	38.25	13.00	51.5
- <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	-304.97	-315.78	-10.81	-3.5
- <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	377.35	391.16	13.81	3.7
- <i>Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air</i>	-47.13	-37.13	10.00	21.2
ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	131.22	143.66	12.44	9.5
iii. Akaun Wang Deposit	52.83	53.28	0.45	0.9
<b>Jumlah</b>	<b>209.30</b>	<b>235.19</b>	<b>25.89</b>	<b>12.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### **4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan, 1957. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Ketiga, Akta Tatacara Kewangan, 1957. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

##### **4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan**

- a. Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70, Tahun 1966). Sumber kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan, Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup dan sewa Rumah Awam Kos Rendah. Kumpulan Wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam Akta tersebut.
- b. Pada tahun 2014, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit sejumlah RM10.81 juta berbanding defisit sejumlah RM14.25 juta bagi tahun 2013. Defisit ini berlaku disebabkan pembayaran sejumlah RM101.19 juta berbanding terimaan sejumlah RM90.38 juta. Dengan ini, defisit Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2014 meningkat sebanyak 24.1% menjadi RM315.78 juta berbanding defisit RM304.97 juta pada tahun 2013. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.19**.

**Jadual 4.19**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2014 Berbanding 2013**

<b>Perkara</b>	<b>2013</b> <b>(RM Juta)</b>	<b>2014</b> <b>(RM Juta)</b>	<b>Perubahan</b>	
			<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>
Baki Pada 1 Januari	-290.72	-304.97	-14.25	4.9
Terimaan	85.35	90.38	5.03	5.9
Perbelanjaan	99.60	101.19	1.59	1.6
<b>Defisit</b>	<b>-14.25</b>	<b>-10.81</b>	<b>-3.44</b>	<b>-24.1</b>
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>-304.97</b>	<b>-315.78</b>	<b>-10.81</b>	<b>3.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- c. Pada tahun 2014, peruntukan sejumlah RM106.20 juta telah diluluskan bagi maksud perbelanjaan pembangunan. Jumlah ini terdiri daripada peruntukan asal berjumlah RM91.54 juta dan peruntukan tambahan berjumlah RM14.66 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM101.19 juta atau 95.3% telah dibelanjakan. Pada keseluruhannya perbelanjaan pembangunan Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM1.59 juta atau 1.6% berbanding RM99.60 juta pada tahun 2013.

#### **4.6.1.2. Kumpulan Wang Bekalan Air**

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air Tahun 1960. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan. Mulai tahun 2009, pengurusan air di Negeri Sembilan telah dikorporatkan melalui penubuhan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS). Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2014 berbaki debit sejumlah RM37.13 juta. Kumpulan Wang ini akan ditutup berikut pengambilalihan pengurusan air oleh Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Baki debit Kumpulan Wang ini telah dihapus kira secara berperingkat RM10.00 juta setahun dengan mencajkan sejumlah RM10.00 juta setahun daripada perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri mulai tahun 2013 berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri pada 5 Oktober 2012.

#### **4.6.1.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pinjaman, Pelbagai Kumpulan Wang dan Kumpulan Wang Luar Jangka. Pada akhir tahun 2014, baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM13.81 juta atau 3.6% menjadi RM391.16 juta berbanding RM377.35 juta pada tahun 2013. Pada tahun 2014, terdapat dua akaun amanah yang tidak aktif berjumlah RM5.28 juta. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di Jadual 4.20.

**Jadual 4.20**  
**Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**  
**Tahun 2014 Berbanding 2013**

Bil.	Akaun Amanah	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Akaun Amanah Pelbagai	293.70	316.98	23.28	7.9
2	Akaun Penyelesaian	61.20	55.20	-6.00	-9.8
3	Akaun Pinjaman	20.45	16.98	-3.47	-17.0
4	Kumpulan Wang Luar Jangka	2.00	2.00	0.00	0
<b>Jumlah</b>		<b>377.35</b>	<b>391.16</b>	<b>13.81</b>	<b>3.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**a. Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya**

- i. Akaun Amanah ini digunakan untuk membayai kos penyenggaraan semua jalan raya negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan yang berkaitan. Pada tahun 2014, sejumlah RM191.16 juta terimaan telah diakaunkan ke akaun amanah ini. Daripada jumlah terimaan tersebut, sejumlah RM191.14 juta adalah merupakan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud Akaun ini manakala sejumlah RM23,326 adalah merupakan lain-lain terimaan dan pelarasian. Pembayaran melalui akaun ini pula adalah berjumlah RM167.96 juta. Dengan ini, baki Akaun ini pada akhir tahun 2014 adalah berjumlah RM311.35 juta berbanding RM288.15 juta pada tahun 2013. Kedudukan Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.21**. Kedudukan baki Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 dan peratus penggunaan (pembayaran berbanding terimaan) adalah seperti di **Jadual 4.22**.

**Jadual 4.21**  
**Kedudukan Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya**  
**Tahun 2014 Berbanding 2013**

Perkara	2013	2014	Perubahan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	252.19	288.15	35.96	14.3
Penerimaan	289.08	191.16	-97.92	-33.9
Pembayaran	253.12	167.96	-85.16	-33.6
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>288.15</b>	<b>311.35</b>	<b>23.20</b>	<b>8.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Jadual 4.22**  
**Kedudukan Baki Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya**  
**Tahun 2010 Hingga 2014**

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	Pembayaran (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Penggunaan (%)
2010	174.49	184.55	129.53	229.51	70.2
2011	229.51	199.00	169.14	259.37	85.0
2012	259.37	189.74	196.92	252.19	103.8
2013	252.19	289.08	253.12	288.15	87.6
2014	288.15	191.16	167.96	311.35	87.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- ii. Perbelanjaan pengurusan (Perbelanjaan di bawah Kod Objek 10000) Akaun Amanah ini pada tahun 2014 adalah berjumlah RM13.61 juta atau 5.4% daripada jumlah perbelanjaan sebenar penyenggaraan jalan negeri tahun sebelumnya. Jumlah ini adalah melebihi daripada had yang ditetapkan iaitu RM5.00 juta atau 5% daripada jumlah sebenar penyenggaraan jalan tahun sebelumnya (bergantung kepada jumlah yang lebih rendah).

#### **4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Kumpulan Wang ini mengakaunkan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan dan orang awam. Sebanyak 38 Akaun Amanah Awam yang terdiri daripada 37 Akaun Amanah Am dan satu Akaun Amanah Khas diselenggara pada tahun 2014. Baki Kumpulan Wang ini pada akhir tahun 2014, meningkat sejumrah RM12.44 juta atau 9.5% kepada RM143.66 juta berbanding RM131.22 juta pada tahun 2013. Analisis mengenai Akaun Amanah Awam adalah seperti berikut:

##### **4.6.2.1. Kumpulan Wang Amanah Pembiayaan Projek Rumah Awam Harga Rendah**

Kumpulan Wang Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan memperakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan daripada sumber pemberian Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau sumber lain bagi membiayai pembangunan Rumah Awam Harga Rendah (RAHR) dan pembiayaan lain yang berkaitan dengan RAHR di Negeri Sembilan. Pada akhir tahun 2014, baki akaun ini berjumlah RM31.58 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah ini pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.23**.

**Jadual 4.23**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Pembiayaan Projek Rumah Awam**  
**Harga Rendah Tahun 2014 Berbanding 2013**

Perkara	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	30.67	29.93	-0.74	-2.4
Penerimaan	4.71	3.72	-0.99	-21.0
Pembayaran	5.45	2.07	-3.38	-62.0
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>29.93</b>	<b>31.58</b>	<b>1.65</b>	<b>5.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

##### **4.6.2.2. Akaun Amanah Projek Pembangunan Bekalan Air**

Akaun Amanah ini ditubuhkan untuk membiayai kos pembangunan projek bekalan air Negeri dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sehingga selesai atau sehingga projek bekalan air yang berkenaan siap sepenuhnya. Akaun ini dikendalikan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Sumber dana akaun ini adalah melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2014, sejumrah RM24.00 juta pinjaman bekalan air telah dipindahkan ke Akaun Amanah ini bagi tujuan perbelanjaan pembangunan projek

bekalan air. Sejumlah RM24.08 juta telah dibelanjakan daripada akaun ini menjadikan baki pada akhir tahun 2014 berjumlah RM34.15 juta berbanding RM15.24 juta pada tahun 2013.

#### **4.6.2.3. Akaun Amanah Permasalahan Rakyat**

Akaun Amanah ini ditubuhkan bagi tujuan memperakaunkan semua terimaan dan pembayaran berkaitan dengan penyelesaian permasalahan rakyat. Akaun ini dikendalikan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Sumber dana Akaun ini adalah melalui pemberian Kerajaan Negeri dan sumbangan awam. Pembayaran yang dibuat adalah berkaitan program bantuan kemiskinan, menaiktaraf/membalik pulih infrastruktur dan kemudahan awam, menaiktaraf/membalik pulih jalan kampung dan aduan lain berkaitan dengan permasalahan rakyat. Pada tahun 2014, sejumlah RM1.01 juta terimaan telah diakaunkan ke Akaun Amanah ini. Sejumlah RM10.89 juta telah dibelanjakan bagi menangani permasalahan rakyat dan baki akaun ini pada akhir tahun 2014 berjumlah RM3.23 juta berbanding RM13.10 juta pada tahun 2013.

#### **4.6.2.4. Akaun Amanah Awam Baru**

Sepanjang tahun 2014, tiga Akaun Amanah Awam yang baru telahpun ditubuhkan. Baki akhir tahun Akaun Amanah iaitu Akaun Tabung Amanah Pengambilan Tanah, Akaun Amanah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Di Negeri Sembilan dan Akaun Amanah Projek Kompleks Pentadbiran Daerah Rembau berjumlah RM19.59 juta seperti di **Jadual 4.24**.

**Jadual 4.24**  
**Kedudukan Akaun Amanah Awam Yang Ditubuhkan Tahun 2014**

Bil.	Nama Akaun	Jumlah (RM Juta)
1	Tabung Amanah Pengambilan Tanah	8.25
2	Akaun Amanah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Di N.Sembilan	8.84
3	Akaun Amanah Projek Kompleks Pentadbiran Daerah Rembau	2.5
<b>Jumlah</b>		<b>19.59</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

### **4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN**

**4.7.1.** Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

**4.7.2.** Pada tahun 2014, sumber dana Kerajaan Negeri berjumlah RM373.09 juta yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM395.52 juta. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2014

menunjukkan Kerajaan Negeri mengalami defisit sejumlah RM22.44 juta iaitu peningkatan defisit sejumlah RM8.98 juta (66.7%) berbanding defisit sejumlah RM13.46 juta pada tahun 2013. Peningkatan defisit ini adalah disebabkan peningkatan perbelanjaan sejumlah RM27.28 juta. Butiran Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.25**.

**Jadual 4.25**  
**Penyata Prestasi Kewangan Tahun 2014 Berbanding 2013**

Bil.	Perkara	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
<b>Hasil</b>					
1	Hasil Cukai	126.18	127.35	1.17	0.9
2	Hasil Bukan Cukai	163.54	173.78	10.24	6.3
3	Terimaan Bukan Hasil	65.06	71.96	6.90	10.6
	<b>Jumlah</b>	<b>354.78</b>	<b>373.09</b>	<b>18.31</b>	<b>5.2</b>
<b>Perbelanjaan</b>					
1	Perbelanjaan Mengurus (tidak termasuk caruman Kumpulan Wang Pembangunan)	268.64	294.33	25.69	9.6
2	Perbelanjaan Pembangunan	99.60	101.19	1.59	1.6
	<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>368.24</b>	<b>395.52</b>	<b>27.28</b>	<b>7.4</b>
	<b>Lebihan/Kurangan</b>	<b>-13.46</b>	<b>-22.44</b>	<b>8.98</b>	<b>66.7</b>
<b>Lebihan/Kurangan Disokong Oleh:</b>					
1	Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	-20.35	-33.20	-12.85	63.1
2	Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	6.89	10.76	3.87	56.2
	<b>Jumlah Pembiayaan</b>	<b>-13.46</b>	<b>-22.44</b>	<b>8.98</b>	<b>66.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.7.3.** Berdasarkan jadual di atas, hasil Kerajaan Negeri menunjukkan peningkatan sejumlah RM18.31 juta atau 5.2% iaitu daripada RM354.78 juta pada tahun 2013 kepada RM373.09 juta pada tahun 2014. Perbelanjaan juga menunjukkan peningkatan sejumlah RM27.28 juta atau 7.4% daripada RM368.24 juta pada tahun 2013 menjadi RM395.52 juta pada tahun 2014. Perbelanjaan mengurus (tidak termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan) menunjukkan peningkatan sejumlah RM25.69 juta atau 9.6% menjadi RM294.33 juta pada tahun 2014 berbanding RM268.64 juta pada tahun 2013. Manakala perbelanjaan pembangunan meningkat sejumlah RM1.59 juta atau 1.6% menjadi RM101.19 juta pada tahun 2014 berbanding RM99.60 juta pada tahun 2013.

## 4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Akaun Memorandum menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang tidak dilaporkan di Penyata Kedudukan Kewangan. Akaun ini terdiri daripada Akaun Memorandum Aset dan Akaun Memorandum Liabiliti. Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan Kerajaan Negeri manakala Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Awam.

### 4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut

**4.8.1.1.** Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki hutang oleh Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan syarikat milik Kerajaan Negeri. Sumber

dana bagi membiayai pinjaman kepada Agensi tersebut adalah daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.26**.

**Jadual 4.26**  
**Baki Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2014 Berbanding 2013**

Bil.	Agensi	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Baki Hutang		Perubahan	
			2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>Badan Berkanun Negeri</b>						
1	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	49.43	39.24	37.33	-1.91	-4.9
2	Yayasan Negeri Sembilan	6.50	0.00	6.50	6.50	100.0
<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>						
1	Majlis Perbandaran Seremban	9.46	8.96	8.76	-0.20	-2.2
2	Majlis Daerah Rembau	1.02	0.52	0.45	-0.07	-13.5
3	Majlis Daerah Kuala Pilah	0.60	0.24	0.18	-0.06	-25.0
<b>Syarikat Kerajaan Negeri</b>						
1	Syarikat Imapro Sdn. Bhd.	22.64	7.40	7.15	-0.25	-3.4
<b>Jumlah</b>		<b>89.65</b>	<b>56.36</b>	<b>60.37</b>	<b>4.01</b>	<b>7.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.8.1.2.** Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2014 meningkat sejumlah RM4.01 juta atau 7.1% menjadi RM60.37 juta berbanding RM56.36 juta pada tahun 2013. Baki ini merupakan baki pinjaman oleh dua Badan Berkanun Negeri, 3 Pihak Berkuasa Tempatan dan satu syarikat milik Kerajaan Negeri. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.27**. Kedudukan baki pada tahun 2013 adalah baki Pinjaman Boleh Dituntut yang paling rendah dalam tempoh 5 tahun.

**Jadual 4.27**  
**Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2010 Hingga 2014**

Bil.	Agensi	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	47.11	43.70	41.28	39.24	37.33
2	Majlis Perbandaran Seremban	38.12	38.77	38.57	8.96	8.76
3	Syarikat Imapro Sdn. Bhd.	8.08	7.86	7.63	7.40	7.15
4	Yayasan Negeri Sembilan	0.46	0	0	0	6.50
5	Majlis Daerah Rembau	0.73	0.65	0.59	0.52	0.45
6	Majlis Daerah Kuala Pilah	0.42	0.36	0.30	0.24	0.18
7	Menteri Besar Incorporated	261.89	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>356.81</b>	<b>91.34</b>	<b>88.37</b>	<b>56.36</b>	<b>60.37</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.8.1.3.** Pada tahun 2014, 6 daripada 7 Agensi yang menerima pinjaman daripada Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik berjumlah RM2.98 juta yang terdiri daripada bayaran balik pokok sejumlah RM2.48 juta dan bayaran balik faedah sejumlah

RM0.5 juta. Kedudukan bayaran balik pinjaman oleh Agensi bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.28**.

**Jadual 4.28**  
**Kedudukan Bayaran Balik Pinjaman Oleh Agensi Tahun 2010 Hingga 2014**

Bil.	Agensi	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	2.80	4.08	2.84	2.46	2.11
2	Syarikat Imapro Sdn. Bhd.	0.54	0.54	0.54	0.54	0.54
3	Majlis Perbandaran Seremban	0	0.10	0.20	0.20	0.20
4	Majlis Daerah Rembau	0.07	0.07	0.06	0.07	0.07
5	Majlis Daerah Kuala Pilah	0.06	0.06	0.06	0.06	0.06
6	Menteri Besar Incorporated	18.58	268.01	0	0	0
7	Yayasan Negeri Sembilan	0.65	0.46	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>22.70</b>	<b>273.32</b>	<b>3.70</b>	<b>3.33</b>	<b>2.98</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.8.1.4.** Pada tahun 2014, tunggakan bayaran balik pinjaman oleh Agensi kepada Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM44.40 juta. Jumlah ini terdiri daripada tunggakan bayaran balik pokok sejumlah RM37.33 juta dan tunggakan faedah sejumlah RM7.07 juta. Tunggakan ini telah berkurangan sejumlah RM1.36 juta atau 3% berbanding RM45.76 juta pada tahun 2013. Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.29**.

**Jadual 4.29**  
**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut**  
**Tahun 2010 Hingga 2014**

Bil.	Agensi	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	50.30	47.84	46.61	45.76	44.40
2	Majlis Perbandaran Seremban	38.27	38.04	35.57	0	0
3	Menteri Besar Incorporated	261.89	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>350.46</b>	<b>85.88</b>	<b>82.18</b>	<b>45.76</b>	<b>44.40</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.8.1.5.** Pinjaman Boleh Dituntut hendaklah dibuat bayaran balik dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sehingga akhir tahun 2014, terdapat sebanyak 6 daripada 7 pinjaman bagi satu Badan Berkanun Negeri yang sepatutnya telah diselesaikan tetapi masih belum dibuat bayaran balik sepenuhnya. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk menyelesaikan perkara ini dengan Agensi terbabit. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.30**.

**Jadual 4.30**  
**Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut Yang Sepatutnya Telah Diselesaikan Bayaran**

Bil.	Tujuan Pinjaman	Syarat Bayaran Balik	Tarikh Sepatutnya Selesai	Baki Belum Selesai 31 Disember 2014 (RM Juta)
<b>Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan</b>				
1	Membiayai Projek Kawasan Perindustrian Chembong Tambahan NS 1/99	3 anuiti, bayaran pertama pada 19.10.2002	19.10.2004	21.72
2	Projek Kompleks Bandar Baru Serting	8 anuiti, bayaran pertama pada 30.9.1991	30.9.1998	6.94
3	Projek Perumahan Bukit Cedang	2 anuiti, bayaran pertama pada 30.12.1983	30.12.1984	4.12
4	Kawasan Perusahaan Simpang Pertang	4 anuiti, bayaran pertama pada 23.4.1985	23.4.1988	1.85
5	Projek Pembinaan Kompleks Bumiputera Seremban 2 NS	8 anuiti, bayaran pertama pada 6.1.2006	6.1.2013	0.81
6	Projek Perumahan Dan Perkedaian Bandar Baru Serting	2 anuiti, bayaran pertama pada 21.9.1995	21.9.1996	0.50
7	Projek Pembinaan Pangsapuri Pekerja Kawasan Perindustrian Nilai NS 2/2003	8 anuiti, bayaran pertama pada 29.1.2007	29.1.2014	1.39
<b>Jumlah</b>				<b>37.33</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### 4.8.2. Pelaburan

Pada tahun 2014, pelaburan di Akaun Memorandum adalah berjumlah RM17.85 juta. Pelaburan ini meningkat sejumlah RM14.85 juta atau 495.1% berbanding RM3.0 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini adalah disebabkan penambahan deposit jangka panjang Akaun Amanah Institusi (ITA) di Amanah Raya Berhad yang terdiri daripada deposit sebanyak RM5.00 juta dan RM10.00 juta untuk tempoh 36 bulan bermula Februari dan April 2014 dengan jangkaan pulangan sebanyak 4.25% setahun. Oleh kerana pelaburan belum matang, tiada dividen diterima pada tahun semasa. Pelaburan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.31**.

**Jadual 4.31**  
**Pelaburan Tahun 2010 Hingga 2014**

Bil.	Perihal Pelaburan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Akaun Amanah Institusi (ITA) Amanah Raya Berhad	0	0	2.00	2.00	17.00
2	Amanah Saham Bank Islam	1.00	1.00	1.00	1.00	0.85
3	IHH Healthcare Berhad	0	0	0.98	0	0
4	Petronas Dagangan Berhad	3.80	0	0	0	0
5	Telekom Malaysia Internasional Berhad	1.05	0	0	0	0
6	Tenaga Nasional Berhad	0.45	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>6.30</b>	<b>1.00</b>	<b>3.98</b>	<b>3.00</b>	<b>17.85</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

### 4.8.3. Hutang Awam

**4.8.3.1.** Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunan. Kedudukan Hutang Awam pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.32**. Baki Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2014 meningkat sejumlah RM29.40 juta atau 3.3% menjadi RM912.69 juta berbanding RM883.29 juta pada tahun 2013. Baki Hutang Awam bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.33** dan **Carta 4.5**. Baki hutang awam pada tahun 2013 adalah yang terendah dalam tempoh 5 tahun.

**Jadual 4.32**  
**Kedudukan Hutang Awam Tahun 2014 Berbanding 2013**

Bil.	Tujuan Pinjaman	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Rancangan Bekalan Air	671.79	695.79	24.00	3.6
2	Perumahan Awam Kos Rendah	91.47	85.93	-5.54	-6.1
3	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	26.10	24.73	-1.37	-5.2
4	Pelbagai	93.93	106.24	12.31	13.1
<b>Jumlah</b>		<b>883.29</b>	<b>912.69</b>	<b>29.40</b>	<b>3.3</b>


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Jadual 4.33**  
**Kedudukan Hutang Awam Tahun 2010 Hingga 2014**

Bil.	Tujuan Pinjaman	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Rancangan Bekalan Air	1,034.67	1,188.33	664.84	671.79	695.79
2	Perumahan Awam Kos Rendah	108.32	101.13	93.53	91.47	85.93
3	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	29.81	28.64	27.40	26.10	24.73
4	Projek Ladang Hutan	1.18	0	0	0	0
5	Pelbagai	387.37	122.42	122.10	93.93	106.24
<b>Jumlah</b>		<b>1,561.35</b>	<b>1,440.52</b>	<b>907.87</b>	<b>883.29</b>	<b>912.69</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**Carta 4.5**  
**Kedudukan Hutang Awam Tahun 2010 Hingga 2014**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.8.3.2.** Tunggakan bayaran balik Hutang Awam bagi tempoh tahun 2010 hingga 2011 menunjukkan trend penurunan. Bagaimanapun, pada tahun 2012 jumlah tunggakan bayaran balik Hutang Awam telah meningkat dan berkurangan semula pada tahun 2013. Bagaimanapun pada tahun 2014 Tunggakan bayaran balik Hutang Awam meningkat sejumlah RM34.86 juta atau 31.3% menjadi RM146.24 juta berbanding RM111.38 juta pada tahun 2013. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.34**.

**Jadual 4.34**  
**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Tahun 2010 Hingga 2014**

Bil.	Tujuan Pinjaman	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Rancangan Bekalan Air	18.87	23.89	19.00	38.00	66.26
2	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	31.00	29.39	29.40	29.39	28.55
3	Perumahan Awam Kos Rendah	89.05	101.97	101.97	0.51	0.02
4	Pelbagai	309.43	57.52	65.61	43.48	51.41
<b>Jumlah</b>		<b>448.35</b>	<b>212.77</b>	<b>215.98</b>	<b>111.38</b>	<b>146.24</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.8.3.3.** Jumlah tunggakan sebanyak RM146.24 juta terdiri daripada tunggakan pokok sebanyak RM135.71 juta dan tunggakan faedah berjumlah RM10.53 juta. Tunggakan pinjaman rancangan bekalan air berjumlah RM66.26 juta yang terdiri daripada projek Skim Bekalan Air Triang Daerah Seremban bernilai RM57.00 juta dan projek Loji Rawatan Ngoi-Ngoi Fasa 1 bernilai RM9.26 juta yang masih belum diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

## 4.9. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

### 4.9.1. Akaun Belum Terima

**4.9.1.1.** Akaun Belum Terima (ABT) ataupun tunggakan hasil adalah merupakan jumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri berdasarkan kepada bil, invois dan sebagainya. Pada tahun 2014, ABT bagi 17 pemungut hasil berjumlah RM88.91 juta berkurangan sejumlah RM58.52 juta atau 39.7% berbanding RM147.43 juta pada tahun 2013. Sebahagian besar daripada ABT tersebut merupakan ABT Badan Kawal Selia Air (BKSA) berjumlah RM37.21 juta, 8 Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) berjumlah RM17.86 juta dan Jabatan Bekalan Air (JBA) berjumlah RM31.69 juta. Hasil belum terima

bagi BKSA merupakan caj air mentah berjumlah RM20.21 juta dan tunggakan *guaranteed payments* bagi tahun 2009 dan 2010 berjumlah RM17.0 juta. ABT bagi Lain-lain hasil berjumlah RM2.15 juta pada tahun 2014 merupakan tunggakan sewa bangunan kediaman Kerajaan dan cukai langsung yang lain. Kedudukan ABT pada tahun 2014 berbanding 2013 adalah seperti di **Jadual 4.35**.

**Jadual 4.35**  
**Akaun Belum Terima Kerajaan Negeri Tahun 2014 Berbanding 2013**

Bil.	Jenis Hasil	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Caj Air Mentah (BKSA)	67.33	37.21	-30.12	-44.7
2	Jualan Air (JBA)	38.31	31.69	-6.62	-17.3
3	Cukai Tanah (PDT)	39.86	17.86	-22.00	-55.2
4	Lain-lain Hasil	1.93	2.15	0.22	11.4
<b>Jumlah</b>		<b>147.43</b>	<b>88.91</b>	<b>-58.52</b>	<b>-39.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.9.1.2.** Pada keseluruhannya, jumlah ABT bagi kesemua 8 Pejabat Daerah Dan Tanah menunjukkan penurunan yang ketara sejumlah RM22.0 juta atau 55.2% kepada RM17.86 juta berbanding RM39.86 juta pada tahun 2013. Pengurangan ini antaranya adalah disebabkan tindakan tegas Pejabat-Pejabat Tanah dalam mengutip cukai tanah tahun semasa dan tunggakan. Tunggakan Jualan Air berkurangan sejumlah RM6.62 juta atau 17.3% menjadi RM31.69 juta pada tahun 2014 berbanding RM38.31 juta pada tahun 2013. Kedudukan ABT Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.36**.

**Jadual 4.36**  
**Akaun Belum Terima Kerajaan Negeri Tahun 2010 Hingga 2014**

Bil.	Jenis Hasil	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Caj Air Mentah (BKSA)	34.22	41.83	63.10	67.33	37.21
2	Jualan Air (JBA)	54.38	54.38	48.86	38.31	31.69
3	Cukai Tanah (PDT)	45.10	47.81	38.39	39.86	17.86
4	Lain-lain Hasil	1.09	1.00	0.95	1.93	2.15
<b>Jumlah</b>		<b>134.79</b>	<b>145.02</b>	<b>151.30</b>	<b>147.43</b>	<b>88.91</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

**4.9.1.3.** Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014, sejumlah RM62.48 juta tunggakan cukai tanah telah dihapus kira. Hapus kira ini dilakukan selepas aktiviti pembersihan data yang melibatkan kes hak milik yang bertindih dan pengeluaran Notis 8A (Perintah Perampasan Tanah) dan hak milik yang tidak wujud dalam Sistem Pendaftaran Tanah Bersepadu (SPTB). Hapus kira ABT bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 4.37**.

**Jadual 4.37**  
**Hapus Kira Akaun Belum Terima Tahun 2010 Hingga 2014**

2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
4.73	14.67	16.98	13.88	12.22	62.48

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

#### **4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

**4.10.1.** Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2014 adalah baik. Baki Kumpulan Wang Disatukan mencatatkan peningkatan sejumlah RM47.47 juta atau 10.3% kepada RM506.36 juta pada tahun 2014 berbanding RM458.89 juta pada tahun 2013. Akaun Hasil Disatukan juga mencatatkan peningkatan daripada RM249.59 juta pada tahun 2013 kepada RM271.17 juta pada tahun 2014 disebabkan surplus yang direkodkan pada tahun 2014 sejumlah RM21.58 juta. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pula meningkat sejumlah RM4.01 juta atau 7.1% kepada RM60.37 juta pada tahun 2014 berbanding RM56.36 juta pada tahun 2013. Manakala baki Hutang Awam turut meningkat sejumlah RM29.40 juta atau 3.3% menjadi RM912.69 juta pada akhir tahun 2014 berbanding RM883.29 juta pada tahun 2013. Begitu juga jumlah tunggakan bayaran balik Hutang Awam telah meningkat pada tahun 2014 sejumlah RM34.86 juta atau 31.3% menjadi RM146.24 juta berbanding RM111.38 juta pada tahun 2013. Akaun Belum Terima bagi tahun 2014 pula berkurangan ketara sejumlah RM58.52 juta atau 39.7% menjadi RM88.91 juta berbanding RM147.43 juta pada tahun 2013.

**4.10.2.** Bagi mempertingkat dan memperkuuhkan lagi prestasi kewangan Kerajaan Negeri, adalah disyorkan Kerajaan Negeri meneruskan amalan perbelanjaan berhemat selaras dengan dasar Kerajaan tanpa menjaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi Negeri. Usaha memungut Akaun Belum Terima berjumlah RM88.91 juta dan menuntut tunggakan pinjaman daripada Agensi Negeri berjumlah RM44.40 juta hendaklah diteruskan.



---

## BAHAGIAN III

### RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

---



## BAHAGIAN III

### RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

#### 5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10

**5.1.** Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Negeri Sembilan untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2011 hingga 2015. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Sembilan ke arah mencapai status negeri maju pada tahun 2020.

**5.2.** Bagi menjayakan RMKe-10, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM780.00 juta bagi tempoh 2011 hingga 2015 untuk melaksanakan sebanyak 572 projek yang dirancang. Sejumlah RM50.00 juta merupakan peruntukan bagi program Perkhidmatan Masyarakat kepada Pejabat Menteri Besar dan sejumlah RM730.00 juta lagi diperuntukkan kepada 7 Jabatan bagi projek pembangunan. Peruntukan yang diagihkan di bawah RMKe-10 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

**Jadual 5.1**  
**Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-10**

Bil.	Jabatan	Jumlah Projek Dirancang	Peruntukan RMKe-10 (RM Juta)
1	Pejabat Setiausaha Kerajaan	342	457.00
2	Pejabat Menteri Besar*	-	92.00
3	Jabatan Kerja Raya	10	60.00
4	Jabatan Pengairan Dan Saliran	32	53.00
5	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	28	45.00
6	Jabatan Pertanian	60	30.00
7	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	40	27.00
8	Jabatan Perhutanan	60	16.00
<b>Jumlah</b>		<b>572</b>	<b>780.00</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

Nota: \* - Bukan Projek Fizikal

**5.3.** Pada tahun 2014, sejumlah RM106.20 juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan projek yang dirancang. Peruntukan ini terdiri daripada peruntukan asal berjumlah RM93.54 juta dan peruntukan tambahan sejumlah RM12.66 juta. Empat daripada 8 Jabatan Negeri yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sejumlah RM38.88 juta (36.6%), Pejabat Menteri Besar sejumlah RM18.15 juta (17.1%), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam RM14.94 juta (14.1%) dan Jabatan Kerja Raya sejumlah RM12.39 juta (11.7%). Agihan peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi pelaksanaan RMKe-10 pada tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-10**  
**Tahun 2014**

Bil.	Jabatan	Jumlah Projek Dirancang	Peruntukan (RM Juta)
1	Pejabat Setiausaha Kerajaan	75	38.88
2	Pejabat Menteri Besar*	-	18.15
3	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	12	14.94
4	Jabatan Kerja Raya	16	12.39
5	Jabatan Pengairan Dan Saliran	24	10.50
6	Jabatan Pertanian	11	5.22
7	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	8	5.16
8	Jabatan Perhutanan	5	0.96
<b>Jumlah</b>		<b>151</b>	<b>106.20</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

Nota: \* - Bukan Projek Fizikal

#### 5.4. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2014

Secara keseluruhannya, pencapaian perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-10 bagi tahun 2014 adalah sangat baik. Sejumlah RM101.19 juta (93.5%) daripada RM106.20 juta yang diperuntukkan bagi tahun 2014 telah dibelanjakan. Pencapaian perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2014 berbanding peruntukan tahunan yang diluluskan adalah antara 88.2% hingga 100% seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.3**  
**Pencapaian Perbelanjaan RMKe-10 Tahun 2014**

Bil.	Jabatan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan	
			(RM Juta)	(%)
1	Pejabat Setiausaha Kerajaan	38.88	36.63	94.2
2	Pejabat Menteri Besar*	18.15	18.12	99.8
3	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	14.94	14.90	99.7
4	Jabatan Kerja Raya	12.39	10.93	88.2
5	Jabatan Pengairan Dan Saliran	10.50	10.00	95.2
6	Jabatan Pertanian	5.22	4.96	95.0
7	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5.16	4.69	90.9
8	Jabatan Perhutanan	0.96	0.96	100.0
<b>Jumlah</b>		<b>106.20</b>	<b>101.19</b>	<b>95.3</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

Nota: \* - Bukan Projek Fizikal

#### 5.5. Pencapaian Fizikal Pelaksanaan Projek RMKe-10 Tahun 2014

Pada tahun 2014, sebanyak 151 projek pembangunan telah dirancang untuk dilaksanakan telah disiapkan. Status pencapaian pelaksanaan projek bagi tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

**Jadual 5.4**  
**Status Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Tahun 2014**

Bil.	Jabatan	Bilangan Projek			
		Projek Dirancang	Tidak Laksana	Lewat Jadual	Siap
1	Pejabat Setiausaha Kerajaan	75	-	-	75
2	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	12	-	-	12
3	Jabatan Kerja Raya	16	-	-	16
4	Jabatan Pengairan Dan Saliran	24	-	-	24
5	Jabatan Pertanian	11	-	-	11
6	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	8	-	-	8
7	Jabatan Perhutanan	5	-	-	5
<b>Jumlah</b>		<b>151</b>	-	-	<b>151</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri

## 5.6. RUMUSAN

Secara keseluruhannya, pelaksanaan projek pembangunan oleh Kerajaan Negeri Sembilan di bawah RMKe-10 bagi tahun 2014 adalah sangat baik di mana sebanyak 151 telah disiapkan. Prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan juga adalah sangat baik kerana sejumlah RM101.19 juta atau 95.3% telah dibelanjakan berbanding peruntukan berjumlah RM106.20 juta. Perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan yang cekap dan berkesan akan meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.





---

## BAHAGIAN IV

### PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

---



---

## BAHAGIAN IV

### PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

---

#### 6. PENDAHULUAN

**6.1.** Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, digunakan dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

**6.2.** Selaras dengan Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

#### 7. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI NEGERI

Usaha berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2014. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

**7.1.** Bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi di Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri telah menjalankan program Pengauditan Kendiri (*Self Auditing*) secara dalam talian melalui Sistem RatingNS yang boleh dicapai dari alamat <http://publicapps.ns.gov.my>. Pada tahun 2014, sebanyak 3 siri Pengauditan Kendiri telah dilaksanakan yang melibatkan pelbagai Jabatan/Agensi. Pelaksanaan 3 siri Pengauditan Kendiri ini merangkumi 1 siri pengauditan pengurusan kewangan dan 2 siri pengauditan pemeriksaan mengejut. Pengauditan Kendiri pengurusan kewangan melibatkan 8 Pejabat Daerah Dan Tanah telah dilaksanakan pada 18 hingga 29 Ogos 2014. Prestasi pengurusan kewangan secara Pengauditan Kendiri bagi setiap Pejabat Daerah Dan Tanah yang terlibat adalah seperti di **Jadual 7.1**.

**Jadual 7.1**  
**Prestasi Program Pengauditan Kendiri (*Self-Auditing*) Pengurusan Kewangan**  
**Di Pejabat Daerah Dan Tanah Tahun 2014**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan Bintang	Jumlah Jabatan Negeri
90 – 100	Sangat Baik		7
70 – 89	Baik		1
50 – 69	Memuaskan		-
49 ke bawah	Tidak Memuaskan		-
<b>Jumlah</b>			<b>8</b>

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

**7.2.** Manakala pelaksanaan 2 siri Pengauditan Kendiri pemeriksaan mengejut pula melibatkan 4 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 4 Badan Berkanun Negeri (BBN) serta Majlis Agama Islam (MAI). Pelaksanaan pemeriksaan mengejut secara Pengauditan Kendiri melibatkan Agensi adalah seperti di **Jadual 7.2**.

**Jadual 7.2**  
**Pelaksanaan Program Pengauditan Kendiri (*Self-Auditing*)**  
**Pemeriksaan Mengejut Di Agensi Tahun 2014**

Siri	Agensi
Siri 1 18 – 29 Ogos 2014	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
	Yayasan Negeri Sembilan
	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
	Lembaga Muzium Negeri Sembilan
	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan
Siri 2 18 – 29 Ogos 2014	Majlis Daerah Jempol
	Majlis Daerah Jelebu
	Majlis Daerah Tampin
	Majlis Daerah Rembau

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

**7.3.** Selain itu, audit silang juga telah dijalankan pada 16 Mac hingga 3 April 2014 terhadap 4 kawalan pengurusan kewangan iaitu Kawalan Terimaan, Perbelanjaan, Aset Alih Kerajaan dan Kenderaan. Audit silang pengurusan kewangan ini melibatkan 35 Jabatan/Agensi bertujuan bagi memastikan semua peraturan kewangan di Jabatan/Agensi dipatuhi. Pencapaian bagi pelaksanaan audit silang pengurusan kewangan pada tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 7.3**.

**Jadual 7.3**  
**Pencapaian Jabatan/Agensi Bagi Program Audit Silang**  
**Pengurusan Kewangan Tahun 2014**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan Bintang	Jumlah Jabatan/Agensi
90 – 100	Sangat Baik		14
70 – 89	Baik		20
50 – 69	Memuaskan		1
49 ke bawah	Tidak Memuaskan		-
<b>Jumlah</b>			<b>35</b>

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

**7.4.** Pada tahun 2014, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan kursus dan latihan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan seperti di **Jadual 7.4**.

**Jadual 7.4**  
**Kursus dan Latihan Berkaitan Pengurusan Kewangan Tahun 2014**

Tarikh	Nama Kursus	Bilangan Peserta
24 - 26.01.2014	Kursus Perbelanjaan Dan Pembayaran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan	41
11 - 12.03.2014	Bengkel Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK)	60
14 - 16.03.2014	Kursus Pengurusan Kewangan (Hasil Dan Penerimaan)	35
19 - 21.03.2014	Kursus Perbelanjaan Dan Pembayaran Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan	25
09 - 11.04.2014	Kursus Pengurusan Kewangan (Hasil Dan Penerimaan)	20

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

**7.5.** Jawatankuasa Audit Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri telah bermesyuarat setiap 3 bulan bagi memastikan setiap Jabatan/Agensi yang mendapat teguran Audit mengenai pengurusan kewangan mengambil tindakan pembetulan dengan segera dan melaporkan tindakan yang telah diambil kepada Jawatankuasa Audit.

**7.6.** Pentadbiran Kerajaan Negeri juga telah memutuskan untuk melaksanakan strategi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan secara *Blue Ocean Strategy (BOS)* dengan melantik beberapa Jabatan/Agensi sebagai pasukan penyelaras kepada kawalan-kawalan pengurusan kewangan yang terlibat seperti di **Jadual 7.5**.

**Jadual 7.5**  
**Pelantikan Jabatan Sebagai Pasukan Penyelaras Terhadap Kawalan Pengurusan Kewangan**

Jabatan	Peranan Penyelaras
Pejabat Kewangan Negeri	Penyelaras bagi Pengurusan Aset
Pejabat Perbendaharaan Negeri	Penyelaras bagi Kawalan Terimaan dan Perbelanjaan
Jabatan Kerja Raya Negeri	Penyelaras bagi Pengurusan Kenderaan
Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	Penyelaras bagi Pengurusan Kontrak
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	Penyelaras bagi Pengurusan Buku Rekod Perkhidmatan Pegawai (BRP)
Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri	Penyelaras bagi Pengurusan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja

Sumber: Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

**7.7.** Pada tahun 2014, Pasukan Penyelaras *BOS* telah merangka dan melaksanakan beberapa pelan tindakan bagi memastikan matlamat Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan terhadap pengurusan kewangan dapat dicapai. Antara matlamat tersebut ialah untuk mencapai penarafan 4 bintang, mengekalkan kecemerlangan pengurusan kewangan dan memastikan sifar teguran Audit berulang.

**7.8.** Berdasarkan matlamat tersebut, pasukan penyelaras *BOS* telah mengadakan taklimat, naziran serta pelaksanaan audit silang yang melibatkan semua Jabatan Negeri dan Agensi di Negeri Sembilan. Hasil daripada pelaksanaan naziran dan audit silang tersebut dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Peringkat Negeri.

**7.9.** Bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri, Pentadbiran Kerajaan Negeri telah mengedarkan peringatan terhadap tugas-tugas kewangan secara semakan harian, bulanan dan tahunan kepada semua Ketua Jabatan/Agenzi. Ini bertujuan untuk memastikan pemantauan dan pelaksanaan tugas secara berkala berdasarkan tempoh yang ditetapkan dapat dilaksanakan selaras dengan peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

## **8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI)**

**8.1.** Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agenzi Negeri. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agenzi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan pencapaian pengurusan kewangan masing-masing, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti sejak tahun 2007. Jabatan/Agenzi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (*role model*) kepada Jabatan/Agenzi Negeri yang lain.

**8.2.** Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan oleh Jabatan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit; serta Pengurusan Aset, Inventori Dan Stor. Bagi Pejabat Kewangan Negeri serta Agensi Negeri selain kesemua 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan turut dinilai. Secara umumnya, sesuatu Jabatan/Agensi Negeri diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 8.1**.

**Jadual 8.1**  
**Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan Bintang
90 – 100	Sangat Baik	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

Sumber: Jabatan Audit Negara

### **8.3. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- a. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- b. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil; perbelanjaan; pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit; aset, inventori dan stor; pelaburan serta pinjaman.
- c. Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- d. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

### **8.4. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pada tahun 2014, pengauditan telah dijalankan di 9 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap satu Jabatan Negeri iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2014 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2013, bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Agensi Negeri secara menyeluruh.

## **8.5. KAWALAN UTAMA**

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 8 Jabatan bagi tahun 2014 adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Bagi 2 Agensi Negeri selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengurusan Penyata Kewangan juga turut dinilai. Penjelasan lanjut mengenai kawalan-kawalan tersebut adalah seperti berikut:

### **8.5.1. Kawalan Pengurusan**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

#### **8.5.1.1. Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepermulaan yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

### **8.5.1.2. Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c. Pemeriksaan mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

### **8.5.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

#### **a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2008 dan PS 3.2/2013 menetapkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

**b. Unit Audit Dalam**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 dan PS 3.1/2013 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

**c. Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus/Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus**

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009, Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus (JKTU) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lain, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 4 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 adalah berkaitan Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) bagi mengantikan JKTU dengan objektif mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi.

**8.5.1.4. Pengurusan Sumber Manusia**

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surc妖 terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

## **8.5.2. Kawalan Bajet**

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

### **8.5.2.1. Penyediaan Bajet**

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agenzi Negeri dikeluarkan melalui Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Bil.1 Tahun 2013 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Belanjawan Tahun 2014). Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agenzi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

### **8.5.2.2. Pengagihan Peruntukan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2014 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

### **8.5.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

#### **8.5.2.4. Pemantauan Kemajuan/Pencapaian Projek**

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

#### **8.5.2.5. Pelaporan**

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan-laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

### **8.5.3. Kawalan Terimaan**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

#### **8.5.3.1. Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

#### **8.5.3.2. Penerimaan Wang**

Setiap Jabatan/Agenzi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/ kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

### **8.5.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

### **8.5.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Pejabat Kewangan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

### **8.5.3.5. Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2008, WP 10.6/2013 dan beberapa AP. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Pejabat Kewangan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

## **8.5.4. Kawalan Perbelanjaan**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

### **8.5.4.1. Perakaunan**

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agenzi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

### **8.5.4.2. Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun, Jabatan/Agenzi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan

Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

#### **8.5.4.3. Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

#### **8.5.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit**

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

##### **8.5.5.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah**

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001 dan WP 10.4/2013. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

##### **8.5.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 2008 serta WP 9.2/2013 dan WP 9.3/2013.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2012 dan WP 9.1/2013.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993 dan WP 3.2/2013.
- d. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2013 dan WP 3.3/2013.

### **8.5.5.3. Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163.

## **8.5.6. Pengurusan Aset Dan Stor**

Perolehan aset dan inventori perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

### **8.5.6.1. Kawalan Umum**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan K.P 1.1/2013, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

### **8.5.6.2. Penerimaan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan K.P 2.2/2013 serta Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 dan KP 6.2/2013, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/stok bekalan pejabat yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terimaan Barang perlu disahkan dan direkodkan pada Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal jika terdapat kerosakan atau perselisihan kuantiti. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan, jika ada.

### **8.5.6.3. Pendaftaran**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan KP 2.3/2013 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 dan KP 6.3/2013 pula menetapkan terimaan stok direkodkan ke Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4).

### **8.5.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan KP 2.4/2013 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/ penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa Aset/ Pemverifikasi Stor dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stor dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- c. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 dan WP 4.1/2013 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan/Agenzi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- d. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 dan WP 4.1/2013 juga menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 dan WP 4.1/2013 tersebut, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

- f. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 dan WP 4.1/2013 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **8.5.6.5. Penyenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan KP 2.5/2013 adalah berkaitan.
- b. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2013 dan WP 4.1/2013 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual, manakala kos penyenggaraan dan pemberian perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

#### **8.5.6.6. Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan KP 2.6/2013, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrikal dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

#### **8.5.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 dan KP 2.7/2013, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

#### **8.5.7. Pengurusan Pelaburan**

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

#### **8.5.8. Pengurusan Pinjaman**

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dipohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.

#### **8.5.9. Pengesahan Penyata Kewangan**

Kerajaan Negeri Sembilan telah mengarahkan supaya Penyata Kewangan Tahunan Agensi Negeri dikemukakan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat dari 31 Mac setiap tahun. Ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di

Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Arahan ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Pejabat Kewangan Negeri dan Agensi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stake holders* menilai pencapaian Agensi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

## 8.6. PENEMUAN AUDIT


### 8.6.1.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2014, pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti telah dilaksanakan di 10 Jabatan/Agensi Negeri. Hasil pengauditan tersebut, masing-masing sebanyak 5 Jabatan Negeri berada pada tahap sangat baik dan 5 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap baik dengan markah keseluruhan antara 86.92% hingga 96.74%. Prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2014 adalah bertambah baik berbanding dengan tahun 2013 disebabkan markah keseluruhan lebih daripada 85% berbanding 4 daripada 5 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2013 manakala peratus pencapaian tertinggi meningkat kepada 96.74% pada tahun 2014 berbanding 95.71% pada tahun 2013. Prestasi Jabatan/Agensi Negeri yang memperolehi 4 bintang menunjukkan penurunan sebanyak 14.3% kepada 50% pada tahun 2014 berbanding 64.3% pada tahun 2013.

8.6.1.2. Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin telah memperoleh markah keseluruhan sebanyak 96.74% dan merupakan yang tertinggi daripada 10 Jabatan/Agensi Negeri. Pejabat Mufti pula telah memperolehi peratus prestasi terendah iaitu sebanyak 86.92% kerana wujud beberapa kelemahan dalam Kawalan Pengurusan, Bajet, Terimaan, Perbelanjaan dan Pengurusan Aset Dan Stor. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2014 adalah seperti di **Carta 8.1**. Manakala kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri bagi tempoh tahun 2007 hingga 2014 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 8.2**.

**Carta 8.1**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti**  
**Jabatan/Agenzi Negeri Tahun 2014**

**Jabatan/Agenzi Negeri**



Sumber: Jabatan Audit Negara

**Jadual 8.2**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri**  
**Tahun 2007 Hingga 2014**

Tahap Penarafan	Jabatan/Agenzi Negeri							
	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Sangat Baik	-	2	4	2	6	6	9	5
Baik	6	10	9	11	6	8	5	5
Memuaskan	-	-	-	-	-	-	-	-
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>12</b>	<b>13</b>	<b>13</b>	<b>12</b>	<b>14</b>	<b>14</b>	<b>10</b>


Sumber: Jabatan Audit Negara

## 8.6.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

### 8.6.2.1. Jabatan Negeri

- a. Pada tahun 2014, terdapat 8 Jabatan yang diaudit iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah, Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin, Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol, Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Pejabat Mufti. Semakan Audit di peringkat Jabatan merangkumi 6 kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor.

- b. Hasil semakan terhadap Kawalan Pengurusan di 8 Jabatan tersebut mendapati masing-masing sebanyak 4 Jabatan mencatatkan tahap sangat baik dan tahap baik. Bagi Kawalan Bajet dan Kawalan Terimaan, sebanyak 7 Jabatan telah mencatatkan tahap sangat baik dan 1 Jabatan memperoleh tahap baik. Bagi Kawalan Perbelanjaan pula, 6 Jabatan telah mencatatkan tahap sangat baik dan 2 Jabatan mencatat tahap baik. Manakala bagi Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit dan Pengurusan Aset Dan Stor, 5 Jabatan memperoleh tahap sangat baik dan 3 Jabatan memperoleh tahap baik. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi Jabatan adalah seperti di **Carta 8.2**.




Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 8.6.2.2. Agensi Negeri

- a. Pada tahun 2014, sebanyak 2 Agensi Negeri telah diaudit iaitu Majlis Daerah Jempol dan Majlis Daerah Tampin. Semakan Audit di peringkat Agensi Negeri merangkumi 9 kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor, Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Pengesahan Penyata Kewangan. Hasil semakan terhadap Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan dan Pengesahan Penyata Kewangan bagi kedua-dua Agensi Negeri adalah pada tahap sangat baik. Bagi Kawalan Perbelanjaan dan Pengurusan Aset Dan Stor, masing-masing satu Agensi Negeri menunjukkan pada tahap sangat baik dan tahap baik. Manakala bagi Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit, masing-masing satu Agensi Negeri menunjukkan pada tahap baik dan tahap memuaskan.
- b. Tahap pencapaian bagi Pengurusan Pelaburan pula, masing-masing satu Agensi Negeri menunjukkan pada tahap sangat baik dan tahap memuaskan. Kedua-dua Agensi Negeri tidak terlibat dalam Pengurusan Pinjaman. Maklumat lanjut adalah seperti di **Carta 8.3**.

**Carta 8.3**  
**Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan**  
**Bagi Agensi Negeri Tahun 2014**




Sumber: Jabatan Audit Negara

### 8.6.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri

**8.6.3.1.** Analisis Audit terhadap Jabatan/Agenzi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan sekurang-kurangnya 2 tahun sekali mendapat 7 daripada 10 Jabatan/Agenzi Negeri menunjukkan peningkatan peratus pencapaian berbanding tahun sebelumnya antara 0.67% hingga 7.83%. Pencapaian bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan meningkat sebanyak 2% kepada 93.68% pada tahun 2014 berbanding 91.68% pada tahun 2013. Pejabat Daerah Dan Tanah Tampin menunjukkan tahap yang sangat baik berbanding tahap baik pada tahun 2010 dengan markah tertinggi pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 7.83%. Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol telah mencapai tahap sangat baik berbanding tahap baik pada tahun 2011 dengan peningkatan sebanyak 4.94%. Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Pejabat Mufti masih kekal pada tahap baik dengan peningkatan masing-masing sebanyak 3%, 2.18% dan 2.77% berbanding tahun sebelumnya. Majlis Daerah Jempol juga telah menunjukkan peningkatan peratus prestasi iaitu sebanyak 0.67% berbanding tahun 2011, namun masih kekal pada tahap baik.

**8.6.3.2.** Manakala bagi 3 Jabatan/Agenzi Negeri pula menunjukkan penurunan peratus prestasi pematuhan antara 0.43% hingga 1.17%. Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah mengalami penurunan markah masing-masing sebanyak 0.43% dan 0.94% berbanding tahun 2011 namun masih kekal di tahap sangat baik. Manakala Majlis Daerah Tampin menunjukkan penurunan peratus pencapaian sebanyak 1.17% berbanding tahun 2011 dan masih kekal pada tahap baik. Penurunan peratus pencapaian ini antaranya adalah kerana wujudnya kelemahan dalam Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Pelaburan. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri yang diaudit sekurang-kurangnya 2 tahun sekali adalah seperti di **Carta 8.4**.

**Carta 8.4**  
**Kedudukan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri**  
**Tahun 2014 Berbanding Pengauditan Tahun Sebelumnya**



Sumber: Jabatan Audit Negara

## 9. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT

**9.1.** Pemeriksaan Audit Mengejut merupakan satu pendekatan audit yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Audit. Semakan dijalankan terhadap borang hasil dikawal, hasil, wang awam, harta awam, barang berharga yang disimpan oleh Pejabat/Agenzi Kerajaan supaya diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa serta wujud pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan/Perkhidmatan termasuk juga lawatan dan tinjauan secara mengejut terhadap aktiviti dan operasi Jabatan/ Agenzi.

**9.2.** Pemeriksaan Audit Mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya. Pada tahun 2014, Pemeriksaan Audit Mengejut telah dilaksanakan terhadap 13 Jabatan/Pejabat/Agenzi di Negeri Sembilan.

### 9.3. PENEMUAN AUDIT

**9.3.1.** Hasil daripada Pemeriksaan Audit Mengejut yang telah dijalankan, secara keseluruhannya mendapati hanya Pejabat Pertanian Daerah Jempol telah mematuhi peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa manakala 12 Jabatan/Pejabat/Agensi lain masih tidak mematuhi semua peraturan seperti di **Jadual 9.1**. Ketua Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.

**Jadual 9.1**  
**Isu Audit Hasil Pemeriksaan Audit Mengejut Tahun 2014**

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agensi Negeri	Isu Audit
1	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jelebu	i. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan [AP67]. ii. Baki stok borang hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar [AP67]. iii. Anak kunci dan kod kombinasi peti besi dipegang oleh seorang pegawai yang sama.[AP125].
2	Pejabat Pertanian Daerah Kuala Pilah	i. Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tidak diperoleh. ii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. [AP 309 (a)]
3	Pejabat Agama Islam Daerah Port Dickson	Peti besi tidak dicantumkan ke rangka bangunan; jika bersesuaian [AP127].
4	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Port Dickson	i. Resit Rasmi Perbendaharaan Negeri tidak diterima untuk jumlah yang dibankkan [AP80(e)]. ii. Tiada semakan dibuat terhadap cetakan bank di slip bayar masuk bank/penyata pemungut bagi mengesahkan ketepatan amaun wang yang dibankkan [AP80(d)]. iii. Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tidak diperoleh. iv. Terdapat tuntutan wang rekupmen yang belum diterima. v. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggarakan peti besi/bilik kebal tidak disediakan.[AP125].
5	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Jelebu	i. Tiada semakan dibuat terhadap cetakan bank di slip bayar masuk bank/penyata pemungut bagi mengesahkan ketepatan amaun wang yang dibankkan [AP80(d)]. ii. Resit Rasmi Perbendaharaan Negeri tidak diterima untuk jumlah yang dibankkan [AP80(e)]. iii. Tiada notis pemberitahuan awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar. iv. Baki fizikal Wang Panjar Wang Runcit tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai Panjar Wang Runcit. v. Surat kuasa secara bertulis oleh Ketua Jabatan kepada pegawai berasingan yang menyelenggarakan peti besi/bilik kebal tidak disediakan.[AP125]. vi. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut [AP 309(b)].

<b>Bil.</b>	<b>Jabatan/Pejabat/Agenzi Negeri</b>	<b>Isu Audit</b>
6	Perpustakaan Awam Cawangan Jelebu	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perakuan tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat buku resit [AP66].</li> <li>ii. Daftar Borang Hasil tidak diselenggarakan [AP67].</li> <li>iii. Tiada notis pemberitahuan awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar.</li> <li>iv. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. [AP 309 (a)].</li> </ul>
7	Jabatan Kerja Raya Daerah Rembau	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Terdapat kutipan tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai dengan segera [AP72].</li> <li>ii. Terdapat wang kutipan yang tidak dibankkan dengan segera setiap hari atau hari kerja berikutnya [AP78(a)].</li> <li>iii. Tiada semakan dibuat terhadap cetakan bank di slip bayar masuk bank/penyata pemungut bagi mengesahkan ketepatan amaun wang yang dibankkan [AP80(d)].</li> <li>iv. Kutipan yang tidak sempat dibankkan, tidak disimpan dalam peti besi/bilik kebal/balai polis [AP126].</li> <li>v. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal [AP126(a)].</li> <li>vi. Baki fizikal Wang Panjar Wang Runcit tidak bersamaan dengan baki Buku Tunai Panjar Wang Runcit.</li> <li>vii. Terdapat bayaran Panjar Wang Runcit tidak diluluskan baucarnya oleh Ketua Jabatan.</li> <li>viii. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem.</li> <li>ix. Terdapat terimaan dan pengeluaran setem yang tidak direkodkan dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat.</li> <li>x. Peti besi/bilik kebal tidak digunakan untuk menyimpan segala wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga dengan selamat [AP126(a)].</li> </ul>
8	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Seremban	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Stok setem fizikal tidak bersamaan dengan Daftar Setem</li> <li>ii. Terdapat terimaan dan pengeluaran setem yang tidak direkodkan dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat.</li> <li>iii. Anak kunci dan kod kombinasi peti besi dipegang oleh seorang pegawai yang sama.[AP125].</li> <li>iv. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. [AP 309 (a)]</li> </ul>
9	Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Pilah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan kepada pegawai yang memungut hasil [AP69].</li> <li>ii. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. [AP 309 (a)].</li> <li>iii. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut [AP 309(b)].</li> </ul>
10	Perpustakaan Awam Cawangan Tampin	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kutipan yang tidak sempat dibankkan, tidak disimpan dalam peti besi/bilik kebal/balai polis [AP126].</li> <li>ii. Semua stok Resit Rasmi, lesen dan borang akuan terima lain yang belum digunakan tidak disimpan dalam peti besi atau bilik kebal [AP126(a)].</li> </ul>

Bil.	Jabatan/Pejabat/Agenzi Negeri	Isu Audit
11	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Jelebu	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Terdapat wang kutipan yang tidak dibankkan dengan segera setiap hari atau hari kerja berikutnya [AP78(a)].</li> <li>ii. Surat perwakilan kuasa secara bertulis tidak disediakan kepada pegawai yang memungut hasil [AP69].</li> <li>iii. Kad akses/kata laluan bagi pegawai bertukar/berhenti belum dibatalkan.</li> <li>iv. Terdapat terimaan dan pengeluaran setem yang tidak direkodkan dan tidak disahkan oleh Ketua Pejabat.</li> <li>v. Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 6 bulan. [AP 309 (a)].</li> <li>vi. Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut [AP 309(b)].</li> </ul>
12	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Tampin	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat kelulusan had apungan Panjar Wang Runcit tidak diperoleh.</li> <li>ii. Baucer bayaran tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai Panjar Wang Runcit dengan lengkap.</li> </ul>

Sumber: Jabatan Audit Negara

#### 9.4. SYOR AUDIT

Prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Pejabat/Agenzi bagi 10 Jabatan/Agenzi Negeri yang diaudit pada tahun 2014 menunjukkan 5 Jabatan/Agenzi berada pada tahap sangat baik dan 5 Jabatan/Agenzi berada pada tahap baik. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Pejabat/Agenzi mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

**9.4.1.** Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun membincangkan secara terperinci isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang.

**9.4.2.** Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja, maka Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan sewajarnya mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ yang lain untuk memastikan kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

**9.4.3.** Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

**9.4.4.** Tindakan surcaj/tatatertib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil dan membuat bayaran yang tidak teratur.



---

## BAHAGIAN V

# PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

---



---

# BAHAGIAN V

## PENYERAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

---

### **10. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan penyata kewangan Agensi Negeri seperti Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengauditan dilaksanakan bagi mengesah dan memastikan penyata kewangan adalah bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

#### **10.1. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN**

Selaras dengan Seksyen 5(c), Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Negeri bagi memastikan segala akaun serta rekod kewangan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sehingga akhir tahun 2014, terdapat 5 BBN, satu MAI dan 8 PBT tertakluk kepada pengauditan penyata kewangan oleh Jabatan Audit Negara. Mengikut Seksyen 7(3) Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan kompeten untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya. Selaras dengan itu, Firma Audit Swasta telah dilantik bagi menjalankan pengauditan terhadap semua penyata kewangan Agensi kecuali MAI dan Majlis Sukan Negeri yang dijalankan sendiri oleh Jabatan Audit Negara. Pemantauan terhadap Firma Audit Swasta diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan isu dan permasalahan pengauditan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan lebih awal dan berkesan.

#### **10.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

Mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun Dan Laporan Tahunan) 1980, Badan Berkanun berkenaan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit dalam masa 6 bulan selepas akhir setiap tahun kewangan. Bagi PBT, Akta Kerajaan Tempatan 1976, menghendaki penyata kewangan disediakan dengan seberapa segera apabila tamat tempoh tahun kewangan bagi tahun tersebut untuk membolehkan Ketua Audit Negara mengesahkan penyata kewangan pada atau sebelum akhir bulan Oktober tahun berikutnya. Prestasi penyerahan penyata kewangan oleh Agensi Negeri untuk diaudit adalah baik. Sehingga 30 Jun 2015, semua Agensi Negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2014 untuk diaudit mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Kedudukan penyerahan dan pengauditan Penyata Kewangan BBN, MAI dan PBT adalah seperti di **Jadual 10.1**.

**Jadual 10.1**  
**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2014**

Bil.	Agensi	Tarikh Penyerahan
<b>Badan Berkanun Negeri</b>		
1	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri	10.2.2015
2	Majlis Sukan Negeri	1.4.2015
3	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	24.4.2015
4	Lembaga Muzium Negeri	30.4.2015
5	Yayasan Negeri Sembilan	19.05.2015
<b>Majlis Agama Islam</b>		
1	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	19.5.2015
<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>		
1	Majlis Perbandaran Nilai	10.2.2015
2	Majlis Perbandaran Seremban	2.3.2015
3	Majlis Daerah Rembau	30.3.2015
4	Majlis Perbandaran Port Dickson	31.3.2015
5	Majlis Daerah Jelebu	31.3.2015
6	Majlis Daerah Jempol	31.3.2015
7	Majlis Daerah Kuala Pilah	31.3.2015
8	Majlis Daerah Tampin	31.3.2015

Sumber: Jabatan Audit Negara

### **10.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**

Pengauditan penyata kewangan Agensi Negeri dijalankan untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan Agensi menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pendapat Audit yang dikeluarkan terhadap penyata kewangan adalah dijelaskan melalui jenis sijil Audit yang dikeluarkan sama ada Tanpa Teguran, Berteguran, Bertentangan atau Penafian. Semua 14 penyata kewangan Agensi Negeri bagi tahun 2013 telah diaudit dan diberikan Sijil Tanpa Teguran.

### **10.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**

Perkara 107(2), Perlembagaan Persekutuan, enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri dan Seksyen 60(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai 13 penyata kewangan Agensi Negeri bagi tahun 2013 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 5 Disember 2014. Bagi Majlis Sukan Negeri Sembilan, penyata kewangan yang telah dibuat pengesahan tidak perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

### **10.5. PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

Analisis terhadap prestasi kewangan Agensi Negeri adalah berdasarkan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014. Sehingga 30 Jun 2015, semua Agensi Negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2014 untuk diaudit. Daripada 14 penyata kewangan yang diterima, sebanyak 2 penyata kewangan telah dikeluarkan sijil Audit manakala 12 penyata kewangan masih dalam pengauditan.

## **10.5.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Majlis Agama Islam**

**10.5.1.1.** Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2014 bagi BBN dan MAI adalah memuaskan berbanding tahun 2013. Pada tahun 2014 lebihan pendapatan terkumpul atau keuntungan terkumpul meningkat sejumlah RM30.31 juta atau 10.3% daripada RM293.56 juta pada tahun 2013 kepada RM323.87 juta pada tahun 2014. Manakala jumlah keseluruhan lebihan pendapatan semasa meningkat sejumlah RM3.36 juta atau 12.6%. Selain itu, jumlah aset telah meningkat sebanyak RM39.38 juta atau 8.0% dan aset semasa bersih menurun sebanyak RM3.34 juta atau 1.6%. Prestasi kewangan BBN dan MAI bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.2**.

**Jadual 10.2**  
**Prestasi Kewangan BBN Dan MAI Tahun 2013 Dan 2014**

Bil.	Perkara	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Lebihan Pendapatan Terkumpul	293.56	323.87	30.31	10.3
2	Jumlah Aset	492.47	531.85	39.38	8.0
3	Aset Semasa Bersih	212.18	208.84	-3.34	-1.6
4	Lebihan Pendapatan Semasa	26.59	29.95	3.36	12.6

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI

**10.5.1.2.** Analisis terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 mendapati 2 BBN dan MAI telah mencatatkan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan antara RM0.36 juta hingga RM26.12 juta. Majlis Agama Islam telah mencatatkan lebihan pendapatan iaitu RM26.12 juta manakala Perbadanan Kemajuan Negeri telah mencatatkan lebihan sejumlah RM6.49 juta. Manakala Lembaga Muzium Negeri, Majlis Sukan Negeri dan Yayasan Negeri Sembilan Negeri mengalami defisit masing-masing sejumlah RM0.01 juta, RM0.11 juta dan RM2.90 juta.

**10.5.1.3.** Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 mendapati kesemua BBN dan MAI berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM1.02 juta hingga RM124.66 juta. Prestasi kewangan BBN dan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti di **Jadual 10.3**.


**Jadual 10.3**  
**Prestasi Kewangan BBN Dan MAI Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014**

Bil.	Agensi	Penyata Pendapatan			Lembaran Imbangan		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/ Liabiliti Semasa Bersih (RM Juta)
<b>Badan-badan Berkanun Negeri</b>							
1	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	18.52	12.03	6.49	82.12	49.73	32.39
2	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri	7.42	7.06	0.36	4.01	0.24	3.77
3	Lembaga Muzium Negeri	2.38	2.39	-0.01	1.06	0.04	1.02
4	Majlis Sukan Negeri	5.37	5.48	-0.11	5.25	0.05	5.20
5	Yayasan Negeri Sembilan	7.14	10.04	-2.90	69.62	27.82	41.80
<b>Majlis Agama Islam</b>							
1	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	133.51	107.39	26.12	154.95	30.29	124.66
<b>Jumlah</b>		<b>174.34</b>	<b>144.39</b>	<b>29.95</b>	<b>317.01</b>	<b>108.17</b>	<b>208.84</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN

#### 10.5.1.4. Analisis Pendapatan

- a. Pada tahun 2014, pendapatan janaan sendiri yang diperoleh oleh BBN dan MAI adalah berjumlah RM159.52 juta berbanding dengan RM141.26 juta pada tahun 2013. Analisis Audit mendapati 4 BBN mengalami penurunan pendapatan janaan sendiri berbanding tahun 2013 iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri menurun sejumlah RM5.48 juta atau 22.8%, Majlis Sukan Negeri menurun sejumlah RM17,729 (11.1%), Lembaga Muzium Negeri menurun sejumlah RM82,781 (31.6%) dan Yayasan Negeri Sembilan menurun sejumlah RM8.40 juta (54.1%). Manakala, pendapatan janaan sendiri MAI meningkat pada tahun 2014 sebanyak RM32.24 juta atau 31.8% berbanding tahun 2013.
- b. Pada tahun 2014, sebanyak 3 BBN menerima geran berjumlah RM14.44 juta daripada Kerajaan Negeri/Persekutuan. 3 BBN iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Majlis Sukan Negeri dan Lembaga Muzium Negeri menerima geran daripada Kerajaan Persekutuan masing-masing sejumlah RM7.02 juta, RM5.22 juta dan RM2.2 juta berbanding tahun 2013 masing-masing menerima sejumlah RM6.19 juta, RM4.26 juta dan RM1.83 juta. Kedudukan pendapatan janaan sendiri dan geran daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk BBN dan MAI tahun 2013 dan 2014 adalah seperti **Carta 10.1**.



Sumber: Penyata Kewangan BBN

#### 10.5.1.5. Jumlah Lebihan/Kurangan Pendapatan

Pada keseluruhannya lebihan pendapatan (keuntungan) bagi semua BBN dan MAI pada tahun 2014 berjumlah RM29.95 juta iaitu meningkat sejumlah RM3.36 juta atau 12.6% berbanding RM26.59 juta pada tahun 2013. Jumlah lebihan/kurangan pendapatan BBN dan MAI bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.4**.

**Jadual 10.4**  
**Jumlah Lebihan/Kurangan Pendapatan BBN Dan MAI Tahun 2013 Dan 2014**


Bil.	Agensi	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
<b>Badan-Badan Berkanun Negeri</b>					
1	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri	0.16	0.36	0.20	125.0
2	Lembaga Muzium Negeri	0.17	-0.01	-0.18	-105.9
3	Majlis Sukan Negeri	-0.27	-0.11	0.16	59.3
4	Yayasan Negeri Sembilan	2.35	-2.90	-5.25	-223.4
5	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	13.12	6.49	-6.63	-50.5
<b>Majlis Agama Islam</b>					
1	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	11.06	26.12	15.06	136.2
<b>Jumlah</b>		<b>26.59</b>	<b>29.95</b>	<b>3.36</b>	<b>12.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI

#### 10.5.1.6. Analisis Aset

Pada akhir tahun 2014, jumlah aset bagi BBN dan MAI adalah sebanyak RM531.85 juta berbanding RM492.47 juta pada tahun 2013 iaitu meningkat sebanyak RM39.38 juta atau 8.0%. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, nilai aset semasa bersih telah menurun daripada RM212.18 juta pada tahun 2013 kepada RM208.84 juta pada tahun 2014 iaitu penurunan sejumlah RM3.34 juta atau 1.6%. Peningkatan aset semasa bersih yang ketara berlaku di Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan iaitu peningkatan


sejumlah RM6.52 juta atau 25.2% kerana peningkatan dalam lain-lain penghutang dan penurunan dalam pinjaman Kerajaan pada tahun 2014. Peningkatan dan penurunan dalam aset semasa bersih BBN dan MAI bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Carta 10.2**.



Sumber: Penyata Kewangan BBN Dan MAI

#### 10.5.1.7. Analisis Pelaburan

Pada akhir tahun 2014, jumlah pelaburan oleh BBN dan MAI adalah RM38.97 juta yang terdiri daripada pelaburan dalam anak syarikat, syarikat bersekutu dan lain-lain pelaburan. Analisis Audit mendapati pada keseluruhan, jumlah pelaburan telah meningkat sejumlah RM2.77 juta atau 7.7% berbanding RM36.20 juta pada tahun 2013. Jenis pelaburan BBN dan MAI bagi tahun 2014 adalah seperti di **Carta 10.3**.



Sumber: Penyata Kewangan BBN Dan MAI

#### 10.5.1.8. Analisis Liabiliti

Pada akhir tahun 2014, jumlah liabiliti bagi BBN dan MAI adalah sejumlah RM164.59 juta berbanding RM155.80 juta pada tahun 2013 iaitu peningkatan sejumlah RM8.79 juta atau 5.6%. Penurunan liabiliti Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan adalah paling ketara iaitu RM12.36 juta atau 17.3% berbanding tahun 2013 kerana baki dalam pinjaman Kerajaan matang yang semakin berkurangan. Penurunan liabiliti Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri sejumlah RM0.14 juta atau 1.1% pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 adalah kerana penurunan pendapatan tertunda (geran Kerajaan). Jumlah liabiliti Majlis Sukan Negeri tidak berubah pada tahun 2014 berbanding tahun 2013. Jumlah liabiliti BBN dan MAI bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.5**.

**Jadual 10.5**  
**Jumlah Liabiliti BBN Dan MAI Tahun 2013 Dan 2014**

Bil.	Agensi	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>Badan-badan Berkanun Negeri</b>					
1	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri	12.58	12.44	-0.14	-1.1
2	Lembaga Muzium Negeri	0.03	0.04	0.01	33.3
3	Majlis Sukan Negeri	0.05	0.05	0	-
4	Yayasan Negeri Sembilan	18.94	27.82	8.88	46.9
5	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	71.40	59.04	-12.36	-17.3
<b>Majlis Agama Islam</b>					
1	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	52.80	65.20	12.40	23.5
<b>Jumlah</b>		<b>155.80</b>	<b>164.59</b>	<b>8.79</b>	<b>5.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAINS

#### 10.5.1.9. Analisis Nisbah

Analisis terhadap nisbah semasa BBN dan MAI adalah positif yang menunjukkan semua Agensi berkemampuan untuk memenuhi tanggungan semasanya kerana mempunyai aset mudah cair yang mencukupi seperti wang di bank untuk membiayai liabiliti semasa. Manakala nisbah hutang yang digunakan bagi menilai kestabilan organisasi dan peratusan menunjukkan pegangan aset Agensi dibiayai oleh pinjaman dan selebihnya dibiayai oleh ekuiti Agensi tanpa perlu bergantung kepada sumber-sumber kewangan luaran. Analisis mendapati Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri dan Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan menunjukkan peratusan yang agak tinggi berbanding BBN dan MAI yang lain. Penilaian terhadap analisis kecairan dan kestabilan BBN dan MAI bagi tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 10.6**.

**Jadual 10.6**  
**Analisis Kecairan Dan Kestabilan BBN Dan MAI Tahun 2014**

Bil.	Agensi	Nisbah Semasa	Modal Kerja (RM Juta)	Nisbah Cepat	Aliran Tunai Bersih (RM Juta)	Nisbah Hutang (%)
<b>Badan-badan Berkanun Negeri</b>						
1	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri	16.56	3.77	16.56	3.92	60.2
2	Lembaga Muzium Negeri	30.03	1.02	30.03	1.05	0.7
3	Majlis Sukan Negeri	108.62	5.20	108.62	5.16	0.9
4	Yayasan Negeri Sembilan	2.50	41.80	2.50	0.11	24.1
5	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	1.65	32.39	1.65	52.84	47.3
<b>Majlis Agama Islam</b>						
1	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	5.12	124.66	5.12	67.71	25.0

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI

#### 10.5.2. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri/Majlis Agama Islam

##### 10.5.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada akhir tahun 2014, sebanyak 3 Agensi Negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS), Yayasan Negeri Sembilan (YNS) dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) mempunyai pelaburan dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu berjumlah RM21.46 juta. Perbadanan Kemajuan Negeri melabur sejumlah RM3.25 juta dalam 4 anak syarikat dan 1 syarikat bersekutu. Pelaburan Yayasan Negeri Sembilan adalah berjumlah RM6.10 juta dalam 4 anak syarikat dan 5 syarikat bersekutu. Manakala Majlis Agama Islam pula melabur sejumlah RM12.11 juta dalam 4 anak syarikat. Kedudukan pelaburan Agensi Negeri pada kos dalam syarikat subsidiari adalah seperti di Jadual 10.7.

**Jadual 10.7**  
**Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Dan Syarikat Bersekutu**

Perkara	BBN/MAI			Jumlah
	PKNNS	MAINS	YNS	
Syarikat Subsidiari (100%)	3	4	4	11
Syarikat Subsidiari (>50%)	1	-	-	1
Syarikat Bersekutu (<50%)	1	-	5	6
<b>Jumlah Syarikat (Bilangan)</b>	<b>5</b>	<b>4</b>	<b>9</b>	<b>18</b>
<b>Pelaburan (RM Juta)</b>	<b>3.25</b>	<b>12.11</b>	<b>6.10</b>	<b>21.46</b>

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat

##### 10.5.2.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati daripada keseluruhan 12 anak syarikat subsidiari yang dilabur oleh Agensi Negeri, 11 daripadanya adalah berstatus aktif manakala 1 berstatus dorman. Syarikat yang berstatus dorman merupakan sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan

Negeri, Negeri Sembilan iaitu Grand Launch Sdn. Bhd. Bilangan anak syarikat yang aktif dan dorman adalah seperti di **Jadual 10.8**.

**Jadual 10.8**  
**Status Syarikat Subsidiari BBN/MAI**

Bil.	BBN/MAI	Bilangan Syarikat Subsidiari (Ekuiti Lebih Daripada 50%)		
		Status Aktif	Status Dorman	Jumlah
1	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	3	1	4
2	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	4	-	4
3	Yayasan Negeri Sembilan	4	-	4
<b>Jumlah</b>		<b>11</b>	<b>1</b>	<b>12</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN Dan MAI

#### **10.5.2.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Semasa Dan Terkumpul Syarikat**

Analisis Audit terhadap penyata kewangan anak syarikat yang berstatus aktif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 mendapat 9 syarikat mencatat keuntungan semasa secara keseluruhannya berjumlah RM10.20 juta. Antara anak syarikat yang mempunyai keuntungan semasa yang tertinggi ialah Negeri Roadstone Sdn. Bhd. (anak syarikat kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan) berjumlah RM5.02 juta, Kumpulan Akademi YNS Sdn. Bhd. (anak syarikat kepada Yayasan Negeri Sembilan) berjumlah RM2.63 juta dan MAINS Zakat Sdn. Bhd. (anak syarikat kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan) berjumlah RM1.37 juta. Manakala 3 syarikat merekodkan kerugian semasa secara keseluruhannya berjumlah RM0.21 juta. Salah satu syarikat yang merekodkan kerugian adalah Grand Launch Sdn. Bhd. (anak syarikat kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan) yang berstatus dormant dan 2 anak syarikat MAINS Holdings Sdn. Bhd. iaitu MAINS Hotel Sdn. Bhd. dan Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sdn. Bhd; masing-masing mencatatkan kerugian RM0.18 juta dan RM33,352. Kedua-dua syarikat masih dalam tahap awal pusingan jangka hayat perniagaan (*business life cycle*) yang memerlukan kepada strategi pembangunan perniagaan dan penembusan pasaran sebelum mampu memberi keuntungan. Secara keseluruhannya pelaburan oleh Agensi Negeri di dalam anak-anak syarikat tersebut, masih merekod keuntungan terkumpul sejumlah RM58.58 juta. Analisis keuntungan/kerugian semasa dan terkumpul anak syarikat Agensi Negeri bagi tahun kewangan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.9**.

**Jadual 10.9**  
**Analisis Keuntungan/Kerugian Semasa Dan Terkumpul Syarikat Subsidiari BBN/MAI**  
**Bagi Tahun Kewangan 2014**

Bil.	BBN/MAI	Keuntungan Semasa		Kerugian Semasa		Keuntungan Terkumpul
		Bil. Syarikat	(RM Juta)	Bil. Syarikat	(RM Juta)	(RM Juta)
1	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	3	5.77	1	-0.002	5.77
2	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	2	1.46	2	-0.21	1.25
3	Yayasan Negeri Sembilan	4	3.18	-	-	3.18
<b>Jumlah</b>		<b>9</b>	<b>10.41</b>	<b>3</b>	<b>-0.21</b>	<b>10.20</b>

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat

**Pada pendapat Audit, Lembaga Pengarah Agensi Negeri yang berkenaan hendaklah sentiasa memantau prestasi kewangan anak syarikat dan mengkaji semula pelaburan dalam anak syarikat yang berstatus dorman. Ini adalah untuk memastikan anak syarikat berdaya maju secara berterusan dan pelaburan dalam anak syarikat dapat memberi pulangan.**

#### **10.5.3. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan**

**10.5.3.1.** Analisis Audit terhadap Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2014 mendapati 4 daripada 8 PBT mencatat defisit manakala 4 PBT iaitu Majlis Perbandaran Seremban, Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Daerah Rembau dan Majlis Daerah Tampin mencatat surplus. Bagaimanapun semua PBT kecuali Majlis Daerah Kuala Pilah mencatat aset semasa bersih dan Majlis Perbandaran Nilai mencatatkan aset semasa bersih tertinggi iaitu RM55.37 juta. Manakala Majlis Daerah Kuala Pilah mencatatkan nilai liabiliti semasa kerana peningkatan dalam pelbagai pembiutang dan akruan sejumlah RM5.56 juta pada tahun 2014 berbanding RM4.19 juta pada tahun 2013. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan terakru sejumlah RM1.28 juta dan sipiutang wang jaminan pelaksanaan-waran sejumlah RM0.18 juta. Prestasi kewangan PBT bagi tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 10.10**.

**Jadual 10.10**  
**Prestasi Kewangan PBT Tahun 2014**

Bil.	Pihak Berkuala Tempatan	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014			Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2014		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/Liabiliti Semasa Bersih (RM Juta)
1	Majlis Perbandaran Seremban	136.62	134.62	2.00	77.48	25.44	52.04
2	Majlis Perbandaran Nilai	80.71	72.38	8.33	80.45	25.08	55.37
3	Majlis Perbandaran Port Dickson	45.42	49.44	-4.02	33.01	12.24	20.77
4	Majlis Daerah Rembau	10.03	8.81	1.22	6.50	6.43	0.07
5	Majlis Daerah Jelebu	9.68	10.32	-0.64	4.36	2.70	1.66
6	Majlis Daerah Tampin	19.14	18.16	0.98	14.71	4.26	10.45
7	Majlis Daerah Jempol	20.13	21.42	-1.29	14.49	4.31	10.18
8	Majlis Daerah Kuala Pilah	14.25	16.55	-2.30	4.87	6.61	-1.74
<b>Jumlah</b>		<b>335.98</b>	<b>331.70</b>	<b>4.28</b>	<b>235.87</b>	<b>87.07</b>	<b>148.80</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT

#### 10.5.3.2. Surplus/Defisit

Analisis kedudukan kewangan tahunan PBT menunjukkan penurunan surplus sejumlah RM6.98 juta (61.9%) daripada RM11.26 juta pada tahun 2013 kepada RM4.28 juta pada tahun 2014. Hanya Majlis Daerah Tampin menunjukkan peningkatan dari defisit kepada surplus sejumlah RM1.19 juta atau 566.7%. Dua PBT iaitu Majlis Daerah Rembau dan Majlis Perbandaran Nilai menunjukkan peningkatan surplus masing-masing sejumlah RM1.10 juta atau 916.7% dan RM0.95 juta atau 12.9%. Penyumbang utama kepada peningkatan surplus Majlis Daerah Tampin ialah peningkatan caruman bantuan kadar sejumlah RM1.14 juta. Surplus Majlis Daerah Rembau pula disebabkan oleh peningkatan perolehan tunggakan cukai taksiran am sejumlah RM1.87 juta. Manakala surplus Majlis Perbandaran Nilai meningkat kerana peningkatan cukai taksiran am sejumlah RM3.16 juta. Majlis Perbandaran Port Dickson menunjukkan pengurangan defisit sejumlah RM0.89 juta atau 18.1% disebabkan oleh peningkatan pengeluaran lesen-lesen. Majlis Perbandaran Seremban pula menunjukkan penurunan surplus sejumlah RM8.73 juta atau 81.4% kerana peningkatan perbelanjaan seperti perbelanjaan bekalan bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan serta perbelanjaan pembangunan yang masing-masing meningkat sejumlah RM2.90 juta dan RM3.44 juta. Prestasi 2 PBT yang lain iaitu Majlis Daerah Jempol dan Majlis Daerah Kuala Pilah menunjukkan peningkatan defisit berbanding tahun 2013 masing-masing berjumlah RM0.41 juta (46.6%) dan RM0.91 juta (65.5%). Manakala Majlis Daerah Jelebu menunjukkan defisit sejumlah RM1.06 juta 252.4% kerana peningkatan ketara dalam perbelanjaan pembangunan sejumlah RM1.54 juta. Kedudukan surplus/defisit PBT bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.11**.

**Jadual 10.11**  
**Kedudukan Kewangan Tahunan Pihak Berkusa Tempatan Tahun 2013 Dan 2014**

Bil.	Pihak Berkusa Tempatan	Surplus/Defisit		Perubahan	
		2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Majlis Perbandaran Seremban	10.73	2.00	-8.73	-81.4
2	Majlis Perbandaran Nilai	7.38	8.33	0.95	12.9
3	Majlis Perbandaran Port Dickson	-4.91	-4.02	0.89	18.1
4	Majlis Daerah Rembau	0.12	1.22	1.10	916.7
5	Majlis Daerah Jelebu	0.42	-0.64	-1.06	-252.4
6	Majlis Daerah Tampin	-0.21	0.98	1.19	566.7
7	Majlis Daerah Jempol	-0.88	-1.29	-0.41	-46.6
8	Majlis Daerah Kuala Pilah	-1.39	-2.30	-0.91	-65.5
<b>Jumlah</b>		<b>11.26</b>	<b>4.28</b>	<b>-6.98</b>	<b>-61.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT

#### 10.5.3.3. Aset Semasa Bersih

- a. Pada tahun 2014, kesemua 8 PBT di Negeri Sembilan mengamalkan perakaunan berdasarkan akruan. Perkiraan aset semasa bersih PBT adalah aset semasa ditolak dengan liabiliti semasa. Kedudukan aset semasa bersih PBT di Negeri Sembilan bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.12**.

**Jadual 10.12**  
**Kedudukan Aset Semasa Bersih PBT Di Negeri Sembilan Tahun 2013 Dan 2014**

PBT	2013			2014			Perubahan Aset/Liabiliti Semasa Bersih	
	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/ Liabiliti Semasa Bersih (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/ Liabiliti Semasa Bersih (RM Juta)		
MPS	71.95	20.36	51.59	77.48	25.44	52.04	0.45	0.9
MPN	80.99	25.15	55.84	80.45	25.08	55.37	-0.47	-0.8
MPPD	36.26	12.04	24.22	33.01	12.24	20.77	-3.45	-14.2
MDR	3.40	4.68	-1.28	6.50	6.43	0.07	1.35	105.5
MDT	13.47	3.68	9.79	14.71	4.26	10.45	0.66	6.7
MDJ	15.24	4.00	11.24	14.49	4.31	10.18	-1.06	-9.4
MDJLBU	3.85	1.56	2.29	4.36	2.70	1.66	-0.63	-27.5
MDKP	5.30	5.47	-0.17	4.87	6.61	-1.74	1.57	-923.5
<b>Jumlah</b>	<b>230.46</b>	<b>76.94</b>	<b>153.52</b>	<b>235.87</b>	<b>87.07</b>	<b>148.80</b>	<b>-4.72</b>	<b>-3.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT

Nota: MPS – Majlis Perbandaran Seremban  
 MPN – Majlis Perbandaran Nilai  
 MPPD – Majlis Perbandaran Port Dickson  
 MDR – Majlis Daerah Rembau

MDT – Majlis Daerah Tampin  
 MDJ – Majlis Daerah Jempol  
 MDJLBU – Majlis Daerah Jelebu  
 MDKP – Majlis Daerah Kuala Pilah

- b. Analisis Audit terhadap aset semasa bersih PBT mendapati perkara seperti berikut:
- i. Aset semasa bersih PBT secara keseluruhan pada tahun 2014 telah menurun sejumlah RM4.72 juta atau 3.1%. Aset semasa bersih pada tahun 2013 berjumlah RM153.52 juta manakala RM148.80 juta pada tahun 2014.
  - ii. Aset semasa bersih tahun 2014 bagi Majlis Perbandaran Nilai dan Majlis Perbandaran Port Dickson telah menurun masing-masing sejumlah RM0.47 juta (0.8%) dan RM3.45 juta (14.2%). Penurunan ini antaranya adalah disebabkan penurunan dalam tunggakan hasil bagi Majlis Perbandaran Nilai manakala penurunan dalam simpanan tetap, tunai di tangan dan di bank bagi Majlis Perbandaran Port Dickson.
  - iii. Bagi Majlis Perbandaran Seremban pula meningkat sejumlah RM0.45 juta atau 0.9% berbanding tahun 2013. Peningkatan ini antaranya disebabkan peningkatan dalam simpanan tetap.
  - iv. Aset semasa bersih tahun 2014 bagi Majlis Daerah Jempol dan Majlis Daerah Jelebu telah menurun masing-masing sejumlah RM1.06 juta (9.4%) dan RM0.63 juta (27.5%). Penurunan ini antaranya disebabkan penurunan dalam wang di bank bagi Majlis Daerah Jempol serta peningkatan dalam perbelanjaan terakru bagi Majlis Daerah Jelebu.
  - v. Aset semasa bersih tahun 2014 bagi Majlis Daerah Tampin pula meningkat sejumlah RM0.66 juta atau 6.7%. Peningkatan ini antaranya disebabkan peningkatan dalam simpanan tetap, wang di bank dan di tangan.
  - vi. Majlis Daerah Rembau menunjukkan aset semasa bersih tahun 2014 berbanding liabiliti semasa bersih tahun 2013 iaitu peningkatan sejumlah RM1.35 juta atau 105.5%. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh penurunan pelbagai pembiutang dan akruan.
  - vii. Liabiliti semasa bersih tahun 2014 bagi Majlis Daerah Kuala Pilah menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.57 juta atau 923.5%. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan dalam pelbagai pembiutang dan akruan.

#### **10.5.3.4. Tunggakan Hasil Cukai Taksiran**

- a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran (PBT) mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976. Cukai taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan (kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik Kerajaan, kilang dan depot) dan tanah. Caruman bantu kadar merupakan cukai tahunan yang dikenakan ke atas bangunan milik Kerajaan. Sehingga akhir tahun 2014, sejumlah RM138.54 juta cukai

taksiran telah dikutip oleh PBT di Negeri Sembilan. Hasil cukai taksiran ini meningkat sejumlah RM7.84 juta atau 6.0% berbanding hasil cukai taksiran pada tahun 2013. Kedudukan hasil cukai taksiran PBT bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.13**.

**Jadual 10.13**  
**Kedudukan Hasil Cukai Taksiran Tahun 2013 Dan 2014**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	MP Nilai	37.41	40.56	3.15	8.4
2	MP Seremban	52.41	53.64	1.23	2.3
3	MP Port Dickson	25.28	25.99	0.71	2.8
4	MD Jelebu	1.85	2.05	0.20	10.8
5	MD Kuala Pilah	3.43	3.52	0.09	2.6
6	MD Rembau	1.31	3.25	1.94	148.1
7	MD Tampin	4.56	4.78	0.22	4.8
8	MD Jempol	4.45	4.75	0.30	6.7
<b>Jumlah</b>		<b>130.70</b>	<b>138.54</b>	<b>7.84</b>	<b>6.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT

- b. Secara keseluruhannya, analisis Audit terhadap tunggakan cukai taksiran mendapati jumlah tunggakan telah menurun daripada RM101.01 juta pada tahun 2013 kepada RM86.34 juta pada tahun 2014 iaitu penurunan sejumlah RM14.67 juta atau 14.5%. Empat PBT di Negeri Sembilan menunjukkan peningkatan jumlah tunggakan cukai taksiran antara RM35,601 hingga RM0.25 juta atau 1.0% hingga 12.5%. Bagaimanapun, Majlis Perbandaran Seremban, Majlis Daerah Tampin dan Majlis Perbandaran Nilai berjaya mengurangkan tunggakan cukai taksiran masing-masing sejumlah RM0.93 juta (3.3%), RM0.45 juta (12.7%) dan RM13.75 juta (31.7%). Penurunan tunggakan cukai taksiran Majlis Perbandaran Nilai adalah disebabkan hapus kira bayaran denda lewat dan tunggakan waran F sejumlah RM11.87 juta dan pengurangan nilai tahunan dari 10% kepada 5% sejumlah RM1.37 juta. Kedudukan tunggakan cukai taksiran bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 10.14**.

**Jadual 10.14**  
**Kedudukan Tunggakan Cukai Taksiran Tahun 2013 Dan 2014**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2013	2014	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	MD Rembau	0.88	0.99	0.11	12.5
2	MD Kuala Pilah	1.27	1.34	0.07	5.5
3	MP Port Dickson	18.92	19.17	0.25	1.3
4	MD Jempol	3.01	3.04	0.03	1.0
5	MD Jelebu	1.76	1.76	0	0
6	MP Seremban	28.24	27.31	-0.93	-3.3
7	MD Tampin	3.55	3.10	-0.45	-12.7
8	MP Nilai	43.38	29.63	-13.75	-31.7
<b>Jumlah</b>		<b>101.01</b>	<b>86.34</b>	<b>-14.67</b>	<b>-14.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT

**10.5.3.5.** Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2014, jumlah keseluruhan pendapatan yang berjaya dipungut oleh semua PBT di Negeri Sembilan adalah RM335.98 juta. Manakala jumlah keseluruhan tunggakan cukai taksiran pula adalah RM86.34 juta. Ini menunjukkan jumlah tunggakan cukai taksiran adalah 25.7% daripada jumlah keseluruhan pendapatan pada tahun 2014. Peratus tunggakan cukai taksiran berbanding pendapatan bagi tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 10.15**.

**Jadual 10.15**  
**Cukai Taksiran Berbanding Pendapatan Tahun 2014**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tunggakan Cukai Taksiran (RM Juta)	Jumlah Pendapatan (RM Juta)	Tunggakan Berbanding Pendapatan (%)
1	MP Port Dickson	19.17	45.42	42.2
2	MP Nilai	29.63	80.71	36.7
3	MP Seremban	27.31	136.62	20.0
4	MD Jelebu	1.76	9.68	18.2
5	MD Tampin	3.10	19.14	16.2
6	MD Jempol	3.04	20.13	15.1
7	MD Rembau	0.99	10.03	9.9
8	MD Kuala Pilah	1.34	14.25	9.4
<b>Jumlah</b>		<b>86.34</b>	<b>335.98</b>	<b>25.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT

**10.5.3.6.** Majlis Perbandaran Port Dickson merekodkan peratus tunggakan cukai taksiran tertinggi berbanding jumlah pendapatan iaitu sebanyak 42.2%. Tunggakan cukai taksiran yang tinggi di PBT tersebut disebabkan oleh peningkatan jumlah premis dan perumahan yang dikenakan cukai taksiran bagi tahun 2014. Manakala Majlis Daerah Kuala Pilah mencatatkan peratus tunggakan cukai taksiran terendah berbanding jumlah pendapatan iaitu sebanyak 9.4%. Kedudukan tunggakan cukai taksiran bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 10.16**.

**Jadual 10.16**  
**Tunggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2010 Hingga 2014**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
1	Majlis Perbandaran Seremban	24.90	26.06	26.97	28.24	27.31
2	Majlis Perbandaran Nilai	40.29	42.43	45.52	43.38	29.63
3	Majlis Perbandaran Port Dickson	17.46	18.33	17.91	18.92	19.17
4	Majlis Daerah Kuala Pilah	0.91	1.16	1.36	1.27	1.34
5	Majlis Daerah Jelebu	1.17	1.34	1.40	1.76	1.76
6	Majlis Daerah Jempol	1.75	1.95	2.63	3.01	3.04
7	Majlis Daerah Rembau	0.73	0.71	0.84	0.88	0.99
8	Majlis Daerah Tampin	2.84	3.08	3.32	3.55	3.10
<b>Jumlah</b>		<b>90.05</b>	<b>95.06</b>	<b>99.95</b>	<b>101.01</b>	<b>86.34</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT

## **10.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Prestasi penyerahan penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri adalah baik di mana semua Agensi telah menyerahkan penyata kewangan tahun 2014 untuk diaudit. Kesemua 14 penyata kewangan bagi tahun 2013 telah dikeluarkan Sijil Audit Tanpa Teguran dan telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Prestasi kewangan bagi 2 BBN dan MAI adalah baik kerana mencapai surplus dengan pendapatan melebihi perbelanjaan manakala 3 BBN mengalami defisit. Manakala prestasi kewangan PBT menunjukkan penurunan surplus atau jumlah keseluruhan pendapatan melebihi perbelanjaan daripada RM11.26 juta pada tahun 2013 kepada RM4.28 juta pada tahun 2014. Bagaimanapun, 4 daripada 8 PBT masih merekodkan surplus bagi tahun 2014. Bagi penambahbaikan kepada perkara yang dibangkitkan, Agensi Kerajaan Negeri disyorkan untuk mengambil langkah seperti berikut:

**10.6.1.** Ketua Eksekutif/Pengarah Badan Berkanun Negeri perlu bertindak proaktif dan tegas dalam melaksanakan program dan aktiviti agensi yang dapat menjana pendapatan.

**10.6.2.** Badan Berkanun Negeri hendaklah membayar balik tunggakan pinjaman dengan Kerajaan berdasarkan pada jadual bayaran balik pinjaman yang disediakan.

**10.6.3.** Agensi yang mengalami defisit dan kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung liabiliti semasa.

**10.6.4.** Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang.



---

## BAHAGIAN VI

# PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

---



---

## BAHAGIAN VI

### PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

---

#### **11. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI; DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2013 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 18 Ogos 2014. Manakala, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan Tahun 2013; Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2013 Siri 3 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 5 Disember 2014.

#### **12. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pada tahun 2014 sehingga 30 April 2015, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat sebanyak 5 kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Sembilan Tahun 2012 dan 2013 serta laporan mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan Tahun 2012 dan 2013 bagi Siri 1, 2 dan 3. Jawatankuasa juga telah memanggil Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan supaya memberi penjelasan terhadap perkara yang dilaporkan. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat secara berkala bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan memastikan syor-syor jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.





---

# PENUTUP

---



---

# PENUTUP

---

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah baik. Manakala tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2014 menunjukkan penurunan bilangan Jabatan/Agensi Negeri yang mendapat penarafan 4 bintang dalam pgaudit pengurusan kewangan berbanding tahun 2013. Jabatan/Agensi Negeri perlu memberi lebih fokus dalam pengurusan kewangan dengan memberi tumpuan terhadap aspek kawalan pengurusan kewangan yang lemah. Sehubungan itu, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit dan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pgaudit yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pgaudit dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance, frequent monitoring and audit spot checks*, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**2 Julai 2015**





---

# LAMPIRAN

---






**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 31 Disember 2014; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

  
**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**  
Ketua Audit Negara  
Malaysia.

Putrajaya  
21 Mei 2015



**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
DAN  
BENDAHARI NEGERI,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:


- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan Kerajaan Negeri

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2014.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus 2014.



**YB. DATO' HAJI TAHAR BIN HAJI SUDIN**  
Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus  
2 Februari 2015



**QAMARUL MUNIRAH BINTI MOHAMMED YUNUS**  
Bendahari Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus  
2 Februari 2015

## Penyata Kedudukan Kewangan

seperti pada 31 Disember 2014

Penyata	Nota	2014	2013
		RM	RM
<b>WANG AWAM</b>			
A WANGTUNAI	3	475,784,422.78	458,319,390.98
B PELABURAN	4	30,574,315.60	574,315.60
		506,358,738.38	458,893,706.58
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	5	271,166,685.28	249,594,487.32
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
E AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	235,192,053.10	209,299,219.26
		506,358,738.38	458,893,706.58

Nota-nota mukasurat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2014

NEGERI SEMBILAN

	2014 (RM)	2013 (RM)
<b>HASIL</b>		
Hasil Cukai	127,349,771.84	126,176,149.76
Hasil Bukan Cukai	173,779,535.38	163,540,919.58
Terimaan Bukan Hasil	71,960,279.86	65,062,056.18
	373,089,587.08	354,779,125.52
<b>PINJAMAN</b>		
Pinjaman Dalam Negeri	36,662,000.00	6,952,460.00
	36,662,000.00	6,952,460.00
<b>TERIMAAN MODAL</b>		
Pelbagai Terimaan Modal	20,539,251.52	20,350,646.66
Jualan Instrumen Kewangan	0.00	19,207.29
	20,539,251.52	20,369,853.95
<b>TERIMAAN LAIN</b>		
Terimaan Amanah	36,700,560.23	104,530,812.09
	36,700,560.23	104,530,812.09
<b>JUMLAH TERIMAAN</b>	<b>466,991,398.83</b>	<b>486,632,251.56</b>
<b>BAYARAN</b>		
